

**UNSUR SEKSUALITI DAN MATERIALISME DALAM KARYA
BERNARD CHAULY DAN RAFIDAH ABDULLAH**

NURUL ATIQAH IBRAHIM

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**UNSUR SEKSUALITI DAN MATERIALISME DALAM KARYA
BERNARD CHAULY DAN RAFIDAH ABDULLAH**

NURUL ATIQAH IBRAHIM

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

ABSTRAK

Kajian *Unsur Seksualiti dan Materialisme dalam Karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah* ini membincangkan mengenai modenisasi yang menyebabkan berlakunya peresapan budaya yang berlaku dari negara-negara luar yang mempengaruhi budaya dan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian ini menghuraikan secara terperinci mengenai naratif dari filem karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Melalui huraian naratif secara mendalam itu, pengkaji seterusnya membincangkan mengenai unsur seksualiti dan materialisme mempengaruhi masyarakat Melayu moden di Malaysia. Selain merujuk kepada konsep yang telah dipilih dan daripada kajian sarjana terdahulu, kajian ini turut dikaitkan dengan realiti masyarakat Melayu Malaysia kini. Kaedah kajian secara kualitatif digunakan di dalam kajian ini seperti kajian kepustakaan dan temubual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seiring berkembangnya era modenisasi kini, berlakunya peresapan unsur-unsur budaya luar ke dalam masyarakat Melayu di Malaysia yang mana bukan sahaja berkembang melalui medium perfileman bahkan dari sudut realiti kehidupan masyarakat itu sendiri. Beberapa kes yang berlaku di Malaysia melibatkan masyarakat Melayu Malaysia mengenai unsur-unsur budaya luar yang berkaitan turut dibincangkan di dalam kajian ini. Kesimpulannya, modenisasi telah memberi laluan kepada berlakunya peresapan daripada pelbagai aspek seperti perfileman dan gaya hidup bagi sesebuah masyarakat.

ABSTRAK

The study of *Sexuality Elements and Materialism in Bernard Chauly and Rafidah Abdullah* discussed the modernization that led to the occurrence of cultural diffusion that occurred from outside countries affecting Malay culture and society in Malaysia. This study describes in detail the narrative of the film by Bernard Chauly and Rafidah Abdullah. Through the narrative, the researchers then discussed the element of sexuality and materialism influencing modern Malay society in Malaysia. In addition to referring to the concepts chosen and from previous scholarly studies, this study is also linked to the reality of the Malay community today. Qualitative study methods were used in this study such as library research and interviews. The findings show that as the era of modernization develops, the emergence of external cultural elements into Malay society in Malaysia is not only evolving through the medium of film even from the reality of the life of the society itself. Some cases that occur in Malaysia involve Malays in relation to the relevant external cultural elements are also discussed in this study. In conclusion, modernization has given way to diffusion of various aspects such as film and lifestyle for a society.

JADUAL KANDUNGAN

BAB	HALAMAN
PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1 **PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar belakang kajian.....	4
1.3	Permasalahan kajian.....	7
1.4	Persoalan kajian.....	9
1.5	Objektif kajian.....	9
1.6	Skop kajian.....	10
1.7	Kepentingan dan kerelevenan kajian.....	11
1.8	Definisi konsep.....	13
1.9	Rumusan.....	20

BAB 2**KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan.....	22
2.2 Kajian lepas.....	23
2.3 LGBT dalam masyarakat global Melayu.....	34
2.4 Materialisme dalam masyarakat Melayu moden.....	38
2.5 Rumusan.....	41

BAB 3**METODOLOGI**

3.1 Pendahuluan.....	42
3.2 Modenisasi.....	43
3.2.1 Konsep Modenisasi Peter Berger (1977).....	44
3.3 Rumusan.....	48

**BAB 4 UNSUR SEKSUALITI DAN MATERIALISME DALAM KARYA
 BERNARD CHAULY DAN RAFIDAH ABDULLAH**

4.1 Pendahuluan.....	49
4.2 Pemaparan Isu Seksualiti.....	51
4.3 Gaya Hidup Masyarakat Bersifat Materialistik.....	54
4.4 Rumusan.....	58

BAB 5 UNSUR SEKSUALITI DAN MATERIALISME YANG TERDAPAT DALAM NARATIF FILEM *GOL DAN GINCU* (2005), *PISAU CUKUR* (2008) DAN *ISTANBUL AKU DATANG* (2012)

5.1 Pendahuluan.....	59
5.2 Naratif filem <i>Gol dan Gincu</i> (2005).....	61
5.3 Naratif filem <i>Pisau Cukur</i> (2009).....	63
5.4 Naratif filem <i>Istanbul Aku Datang</i> (2012).....	66
5.5 Isu Seksualiti dalam filem <i>Gol dan Gincu</i> (2005), <i>Pisau Cukur</i> (2008)... dan <i>Istanbul Aku Datang</i> (2012)	72
5.6 Gaya Hidup Masyarakat Bersifat Materialistik.....	79
5.7 Rumusan.....	87

BAB 6 KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan.....	89
6.2 Rumusan kajian.....	89
6.3 Cadangan.....	94

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Melihatkan kepada perkembangan industri perfileman Malaysia kini, isu mengenai latar sesebuah masyarakat moden ditekankan dalam penceritaan seiring dengan hasrat bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Abdul Razak yang menjelaskan bahawa zaman ini merupakan zaman perlumbaan dan masyarakat Melayu haruslah bersaing untuk terus maju ke hadapan (Senu Abdul Rahman, 1971). Filem juga dianggap seperti manusia dan teknologi kerana cepat berubah-ubah (Fadzil Yusof, 2007).

Pada tahun 1907, pawagam pertama telah dibina di Tanah Melayu dan merupakan satu anjakan bagi industri perfileman di Tanah Melayu ketika itu (Wan Abdul Kadir, 1998). Penerbitan filem pertama adalah pada tahun 1933 yang berjudul *Laila Majnun* arahan B. S Rajhans. Sambutan terhadap filem-filem Melayu pada ketika itu amat menggalakkan kerana filem memberi dimensi hiburan baharu kepada masyarakat. Industri perfileman telah melahirkan ramai karyawan seni seperti P. Ramlee, Nordin Ahmad, Jins Shamsuddin, Latifah Omar dan Sarimah. Melalui filem-filem Melayu seperti filem *Seruan Merdeka* (1946), *Sarjan Hassan* (1958), *Masyarakat Pincang* (1958), *Antara Dua Darjat* (1960), *Si Tanggang* (1961) dan *Ibu Mertuaku* (1962), masalah sosial tempatan ketika itu dapat diperjuangkan. Lewat tahun 1980 an, pembikin filem ketika itu telah berjaya mencipta arus revolusi perfileman tanah air dengan menjadikan wanita, cinta dan air mata sebagai tema utama. Kaum wanita mula diangkat dan dijulang selaku protagonis atau watak utama bagi sesebuah filem.

Mahadi Jermadi melalui sesi temu bual bersama pengkaji pula menjelaskan bahawa apabila dilihat pada senario filem di Malaysia kini, generasi pembikin filem pada hari ini

yang lebih dikenali sebagai generasi ke lima mahu menjadikan filem sebagai *medium of expression*. Ini bermaksud pemikiran dan sudut pandangan mereka secara bebas merentasi sempadan negara, masyarakat, agama, budaya dan sejarah, lantas mencetuskan identiti baharu bersandarkan realiti kehidupan masyarakat majmuk yang toleran dan bebas. Beliau turut menyatakan bahawa hal ini berbeza dengan penghasilan filem oleh pembikin filem sebelumnya.

Rosini Jonit (2007) menjelaskan bahawa isu mengenai budaya sering dipaparkan dalam sesebuah filem tetapi masih belum berada pada tingkat budaya besar. Menurut beliau, karyawan filem perlu menghasilkan filem-filem yang memaparkan mengenai identiti masyarakat sesebuah negara dengan lebih meluas. Taib Osman (1988) melalui Anita Abu Hasan, Noryani Md Yusof dan Husni Jazam (2015) di dalam *Budaya dan Pembelajaran* menjelaskan bahawa budaya didefinisikan sebagai kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling. Budaya ialah tenaga fikiran, usaha rohani atau kuasa yang menggerakkan jiwa. Hasrat serta nilai yang diingini itu seharusnya diterima, dipersetujui dan diamalkan secara bersama dan tidak bercanggah dengan kehendak masyarakat. Nilai inilah yang akan membentuk norma masyarakat.

Aziz Deraman (1994) melalui penulisan bukunya, iaitu *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia* menjelaskan bahawa sifat budaya adalah universal dan berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Budaya akan memberikan identiti kepada sesebuah kelompok dalam aspek cara pengendalian hidup. Beliau turut menyatakan bahawa budaya juga merupakan satu himpunan kemajuan intelektual dan kebendaan yang dapat memenuhi keperluan biologi dan masyarakat serta dapat menyesuaikan dengan keadaan sekeliling.

Budaya turut dijelaskan sebagai alat penghasilan karya seni daripada ciptaan dalam sesebuah masyarakat seperti pemaparan budaya dalam naratif sesebuah filem.

1.2 Latar belakang kajian

Industri perfileman di Tanah Melayu mencapai era kegemilangannya pada dekad 1950-an dan 1960-an melalui karya L Krishnan, Haji Mahadi dan P Ramlee. Filem-filem yang dipaparkan ketika era tersebut lebih memfokuskan nilai sosial dan kehidupan masyarakat. Noorisham (2012) menyatakan bahawa kebanyakan filem klasik bermula daripada terbitan Shaw Brothers ataupun Cathay-Keris sehingga tahun 1979 an, boleh dianggap sebagai filem Melayu yang memfokuskan kepada nilai sosial dan kehidupan masyarakat terutamanya dari sudut hubungan sosial untuk diteladani masyarakat kini.

Mahadi Jermadi ketika sesi temu bual menerangkan bahawa fasa perkembangan filem Melayu yang pertama bermula pada tahun 1955 hingga tahun 1962, fasa kedua dari tahun 1963 hingga tahun 1979, fasa ketiga dari tahun 1980 hingga tahun 1990, fasa keempat dari tahun 1990 hingga tahun 2000 dan fasa terakhir iaitu fasa kontemporari bermula dari tahun 2000 hingga kini. Mahadi Jermadi menjelaskan bahawa bertitik tolak daripada perkembangan tersebut, perkembangan pada fasa terakhir iaitu fasa filem kontemporari melahirkan generasi pembikin filem yang lebih terbuka. Pemikiran dan sudut pandangan generasi pembikin filem pada fasa terakhir ini turut dilihat berkarya secara bebas dan menekankan aspek kemodenan masyarakat sebagai pengisian dalam filem.

Kini, industri filem Malaysia merupakan salah satu cabang perindustrian dominan popular di Malaysia yang secara tidak langsung memuat dan mengagihkan nilai-nilai serta pandangan-pandangan tertentu dalam latar masyarakat. Industri filem tidak boleh disalahertikan sebagai institusi hiburan semata-mata sebaliknya perlu dilihat sebagai suatu

institusi yang sarat dengan ideologi-ideologi tertentu (Juliana Wahab & Mahyuddin Ahmad, 2009). Pengarah dan penulis skrip mempunyai peranan penting serta mempunyai kuasa dalam menentukan apakah watak mahupun babak yang ingin mereka paparkan di layar baik pemaparan positif mahupun negatif. Namun, sebagai individu Islam dan juga masyarakat timur yang penuh dengan budaya dan adat, penggiat industri hiburan tetap perlu memainkan peranan mereka terhadap penonton yang rata-ratanya tergolong dari golongan generasi muda (Mohd Khairul, 2013).

Wan Abdul Kadir (2002) dalam *Budaya Bandaran: Perubahan Budaya Popular Melayu* menjelaskan bahawa filem kini tergolong dalam kategori media skrin dan telah berkembang dalam pelbagai bentuk lain seperti pita video, cakera padat, cakera padat digital dan cakera digital video serta amat berpengaruh kepada khalayak. Pengaruh dan kepentingan filem sebagai media komunikasi telah dikenalpasti sejak filem dihasilkan ketika tahun 1880 an lagi. Sehingga kini, filem muncul dalam bentuk yang berlainan terutamanya apabila telah digarap dan disepadukan melalui media elektronik dan digital. Filem juga telah menjadi suatu media yang penting dan meresap masuk ke dalam hampir setiap bidang kehidupan manusia (Naim Ahmad, 2011).

Oleh itu, filem-filem di Malaysia kini dilihat banyak memaparkan konsep moden seperti filem-filem yang diarahkan oleh Bernard Chauly. Filem-filem beliau dikatakan moden kerana beliau sentiasa memperjuangkan plot cerita mengenai moden dan penceritaannya mengangkat subjek berdasarkan situasi sekeliling dan juga karakter yang wujud dalam kehidupan realiti pada masa kini. Kerjasama Bernard Chauly bersama Rafidah Abdullah sebagai penulis skrip dalam filemnya telah menjadikan filem arahan beliau menyetengahkan persamaan isu seperti isu seksual dan isu materialisme.

1.3 Permasalahan kajian

Menurut Mohd Ariff (2015), filem dan drama tempatan kini semakin banyak menerapkan unsur budaya luar yang tidak bersesuaian dengan agama dan budaya yang diamalkan di negara ini. Lebih ketara, filem Melayu semakin berani memaparkan unsur keterlaluan dalam pelbagai adegan. Beliau juga menyatakan bahawa jika dibuat perbandingan antara filem tempatan dengan filem luar khususnya India, ternyata industri perfileman India berada dalam kelas tersendiri. Bukan hanya sekadar dari sudut kutipan pecah panggung tetapi suntikan elemen yang menggarap naratif sesebuah filem. Walaupun pengaruh dari budaya luar banyak menguasai pemikiran, idea dan teknologi perfileman, namun karyawan negara itu tidak berganjak daripada tradisi pembikinan filem tempatan.

Menurut Mahadi Jermadi, industri perfileman di Malaysia mengalami lima fasa perkembangan dan setiap perkembangan tersebut memberi kelainan kepada perkembangan naratif filem di Malaysia. Bertitik tolak daripada perkembangan tersebut, perkembangan pada fasa terakhir, iaitu fasa filem kontemporari melahirkan generasi pembikin filem yang ingin menjadikan filem sebagai *medium of expression*. Pemikiran dan sudut pandangan mereka secara bebas merentasi sempadan negara, masyarakat, agama, budaya dan sejarah lantas mencetuskan identiti baharu bersandarkan realiti kehidupan masyarakat majmuk yang lebih toleran dan bebas.

Penghasilan filem tempatan kontemporari pada era kini kurang memaparkan nilai-nilai positif dan kurang mengangkat budaya yang sering diamalkan oleh masyarakat Melayu. Pembikin filem sering menjadikan nilai dan budaya luar sebagai suatu tarikan baharu di dalam filem. Hal ini turut dipersetujui oleh Wan Abdul Kadir (2006) dalam bukunya; *Peradaban Melayu dalam Modenisasi dan Globalisasi Budaya* yang menjelaskan bahawa kemasukan budaya luar ke dalam masyarakat dan budaya Melayu akan membawa kesan

kepada kedudukan budaya tempatan, iaitu dalam budaya Melayu itu sendiri. Karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah sering memaparkan kehidupan masyarakat Melayu moden dan turut mengandungi unsur yang sering dipertikaikan oleh pengkritik filem di Malaysia. Contohnya seperti penghasilan filem oleh Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah yang sering menyelitkan isu-isu sensitif seperti seksualiti dan materialisme yang dianggap tidak sesuai dipaparkan untuk tayangan umum di Malaysia.

1.4 Persoalan kajian

1. Mengapakah Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah sering menerapkan unsur seksualiti dan materialisme dalam karya mereka?
2. Adakah unsur seksualiti dan materialisme yang terdapat dalam karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah disebabkan oleh proses modenisasi?

1.5 Objektif kajian

1. Mengenalpasti unsur seksualiti dan materialisme dalam karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah.
2. Menganalisis unsur seksualiti dan materialisme yang terdapat dalam naratif filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012).

1.6 Skop kajian

Kajian ini memilih medium filem sebagai sampel kajian dengan memfokuskan kepada unsur seksualiti dan materialisme yang terdapat dalam filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012). Perbincangan dan kajian ini dilihat dari sudut implikasi modenisasi terhadap industri perfileman Malaysia.

Pengkaji memilih filem-filem tersebut kerana ketiga-tiga karya itu merupakan hasil kerjasama dalam mengembangkan idea dan konsep Bernard Chauly bersama Rafidah

Abdullah yang mendapat lulusan sarjana dalam penulisan skrip. Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah dianggap mempunyai satu ikatan yang kuat dalam perkongsian buah fikiran dalam mengembangkan naratif di dalam filem-filem yang dipilih ini. Mereka juga mengekalkan identiti sebagai pengarah dan penulis skrip terhadap penceritaan yang lebih berkonsepkan moden (Mursyid Eunos, 2011).

1.7 Kepentingan dan kerelevanan kajian

Kajian ini memberi fokus kepada bidang pengajian budaya dan bidang perfileman. Setiap pemaparan babak dalam filem yang divisualkan kepada khalayak penonton mampu memberi implikasi secara positif mahupun negatif. Maka, filem ialah wadah yang berkesan dalam menyalurkan elemen budaya, baik budaya tempatan atau budaya luar. Secara tidak langsung, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pengajian budaya dan perfileman dengan menambah maklumat baharu bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang.

Selain itu, kajian ini dilihat dapat menjadi kajian dan perbincangan yang menarik kerana boleh dijadikan faktor peningkatan penonton dan penghasilan karya yang lebih bermutu melalui industri perfileman. Peningkatan dan penurunan jumlah penonton memainkan peranan penting di dalam kemajuan sesebuah industri perfileman. Pemaparan konsep moden dalam sesebuah filem akan memberikan reaksi yang berbeza kepada penonton. Segalanya bergantung kepada naratif dan cara penyampaiannya yang berkemungkinan memberikan implikasi positif atau negatif kepada penonton tempatan.

Kajian ini juga dilihat dapat memberi penjelasan dalam perbincangan secara mendalam terhadap pengaruh modenisasi terhadap filem Melayu. Masyarakat Melayu itu sendiri seringkali dilihat kurang peka mengenai pemaparan budaya dalam sesebuah filem.

Ku Seman (2001) melalui artikelnya *Menilai semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan* menjelaskan bahawa masyarakat tidak dapat membezakan sama ada budaya yang dipaparkan baik di dalam filem mahupun melalui pemerhatian secara langsung itu merupakan budaya tempatan mahupun budaya luar. Beliau turut menyatakan bahawa kekeliruan dan sikap kurang peka terhadap sesuatu budaya itu dikhuatiri akan memberikan implikasi yang kurang baik kepada masa hadapan budaya tempatan. Masyarakat juga dikhuatiri akan menerima apa sahaja pengaruh budaya yang ada di hadapan mata dan mengabaikan nilai-nilai serta budaya utama masyarakat mereka sendiri. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membantu penghasilan karya filem yang lebih bermutu dan mengangkat jati diri Melayu bagi menjadikan masyarakat Melayu yang lebih berbudaya.

1.8 Konsep Operasional

Berikut adalah beberapa konsep utama yang berkaitan dengan kajian ini:

1.8.1 Filem

Definisi filem mempunyai dimensi pentakrifan dan ruang lingkup kontekstual yang luas (Ismail Abdullah, 2009). Ismail Abdullah (2009) menyatakan bahawa filem merupakan sebuah wahana kreatif yang bersifat perbincangan serta melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran dan kepakaran. Pada awalnya, industri filem bukan merupakan sebuah industri yang besar. Namun, seiring dengan peredaran zaman, masyarakat di seluruh dunia menjadikan filem sebagai salah satu hiburan dalam kehidupan.

Noor Bathi Badarudin (2002) pula menjelaskan bahawa filem merupakan sebuah inovasi terulung dalam sejarah penciptaan teknologi yang telah ditemukan oleh manusia. Sebagai satu inovasi, filem yang kini tergolong dalam kategori media skrin telah berkembang dalam pelbagai bentuk lain seperti pita video, cakera padat dan

sebagainya adalah media yang amat berpengaruh kepada masyarakat. Filem mampu mempengaruhi penonton dari segi pembentukan sikap, nilai dan persepsi individu. Perspektif fungsionalis melihat filem sebagai anggota masyarakat yang berperanan membantu dalam mewujudkan dan mengekalkan kestabilan sistem sosial masyarakat dengan cara tidak memaparkan sub-sub budaya yang bertentangan dengan nilai agama dan budaya serta tidak mempopularkan jenayah. Sebaliknya, filem harus menekankan kebaikan mengatasi kejahatan dalam plot cerita, kepatuhan kepada undang-undang dan etika kesopanan dan peradaban sesebuah masyarakat.

Bordwell dan Thompson (1997) merujuk bentuk filem sebagai satu sistem yang tersusun. Sistem yang dimaksudkan melibatkan segala perihal yang terdapat dalam sesebuah filem. Apa yang terkandung dalam filem boleh dikategorikan sebagai bentuk filem. Hal ini adalah kerana dalam pembikinan sesebuah filem, setiap satu bahagian yang terdapat dalam filem berfungsi dengan tujuan tertentu. Misalnya, penataan bunyi dalam filem memberi justifikasi yang lebih selain dari berfungsi sebagai peneman visual.

Selain itu, Bordwell dan Thompson (1997) turut menyatakan bahawa sebarang elemen yang dihasilkan dalam sesebuah filem turut dikategorikan bentuk (*form*) apabila proses penghasilannya adalah bersistematik. Bentuk filem adalah seni yang mencakupi keseluruhan filem. Mereka membuat pengkelasan mengenai bentuk filem kepada dua elemen iaitu satu set naratif dan set stailistik. Set naratif merujuk kepada pergerakan kamera dan set stailistik pula merujuk kepada alat sinematik yang lain.

Naim Ahmad dalam bukunya yang bertajuk *Filem Islam Satu Pembicaraan* (2011) menyatakan bahawa terdapat pelbagai takrifan filem antaranya filem merupakan hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cerminan kepada budaya tertentu. Filem turut disifatkan sebagai sebuah instrumen komunikasi yang

sarat dengan ideologi, falsafah dan metafora yang secara tidak langsung terhubung melalui komunikasi sinematik antara penonton dan filem.

Selain itu, Naim Ahmad (2011) juga menjelaskan, definisi filem melalui kaedah penyampaian dirujuk kepada kepingan lut sinar yang digunakan bersama *over head projector* untuk memaparkan imej. Filem umumnya dikonotasi kepada wayang yang dipaparkan ke atas sebuah skrin yang mempunyai cerita dan mesej. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa kata nama filem secara umumnya diguna pakai merujuk kepada apa sahaja bentuk dan jenis siri-siri gambar yang dihasilkan secara kimia atau elektronik yang dipaparkan ke atas skrin serta mempunyai mesej tertentu.

Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung (1996) dalam *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia* menerangkan bahawa filem merupakan imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis dalam bentuk dialog, visual dan bunyi yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera. Kemudiannya akan diolah dengan menggunakan pelbagai kaedah teknikal dan digarap menjadi hasil karya seni yang mempunyai pelbagai kepentingan dan matlamat untuk ditayangkan di panggung wayang dan televisyen. Mereka turut menjelaskan bahawa filem juga merupakan paparan cerita secara visual yang memerlukan hubungan antara pengkarya dan seniman yang terlibat dalam filem dengan penonton.

Adi Pranajaya yang merupakan seorang tokoh perfileman terkenal di Indonesia melalui penulisannya iaitu *Filem dan Masyarakat* (1993) menyatakan bahawa filem dihasilkan dengan mempunyai tujuan tertentu. Maka, secara tidak langsung sesebuah filem itu dilihat mempunyai fungsi dalam masyarakat. Filem menurut Adi Pranajaya (1993) merupakan naratif yang mengembangkan mengenai persoalan hidup manusia.

Jadi, manusia dilihat gemar untuk menyaksikan pergerakan hidup mereka dipaparkan di layar.

1.8.2 Budaya

Perkataan budaya berasal dari bahasa Sanskrit iaitu *buddayah* yang merupakan kata jamak bagi perkataan *Buddhi* yang bermaksud budi pekerti atau akal. Budaya adalah perlakuan manusia yang dipelajari dan bersifat simbolis serta merupakan suatu reaksi manusia terhadap penyesuaian hidup dengan alam keliling (Valentine, 1972). Secara amnya budaya membincangkan mengenai hal yang berkaitan budi dan akal manusia. Budaya merupakan sesuatu yang dinamik dan adaptif serta sentiasa mengalami perubahan. Budaya akan selalu mengalami perubahan selari dengan perkembangan pelaku budaya yang bersangkutan (Siti Subariyah, 2005).

Taib Osman (1988) menjelaskan budaya yang bersifat dinamis dapat meneguhkan kedudukan masyarakat. Contohnya seperti budaya Melayu telah mengalami banyak perubahan melalui proses akulturasi dan asimilasi apabila berlaku pertembungan dengan peradaban luar seperti Hindu, Islam serta Barat. Kemasukan unsur-unsur budaya luar tersebut telah memperkayakan kedudukan budaya Melayu itu sendiri. Budaya Melayu tidak menerima sewenang-wenangnya budaya yang didatangkan dari luar tetapi unsur-unsur budaya yang didatangkan dari luar itu disesuaikan dengan kehendak masyarakat tempatan.

Rohana Yusof (2010) yang merupakan seorang sarjana dalam bidang sosiologi menjelaskan mengenai budaya yang terbahagi kepada dua. Pertamanya beliau melihat budaya merupakan cara hidup manusia berdasarkan kebendaan dan yang keduanya bukan berdasarkan kebendaan. Budaya kebendaan yang dijelaskan oleh beliau merupakan pengetahuan tentang penghasilan, pengendalian serta penggunaan barangan yang dikaitkan dengan nilai-nilai moral dan berdasarkan kepada agama,

peraturan-peraturan serta etika. Manakala, budaya bukan kebendaan pula merangkumi hasil cipta manusia yang berbentuk abstrak seperti adat resam, kepercayaan pantang larang dan sebagainya.

Ismail Said (2009) dalam buku *Pengajian Sosial* menerangkan budaya sebagai satu susunan perlakuan yang dipelajari dan digunakan bersama dalam masyarakat. Beliau membahagikan budaya kepada tiga komponen penting iaitu yang pertama komponen kognitif, kedua komponen normatif dan ketiga komponen kebendaan. Komponen kognitif adalah budaya yang berbentuk kognitif dan merupakan sejenis pemikiran yang merangkumi elemen bahasa, simbol serta nilai. Ia termasuk ilmu pengetahuan dan kepercayaan. Komponen normatif pula berdasarkan norma sosial sesuatu masyarakat yang mengatur peraturan yang mengawal perlakuan dalam setiap situasi kehidupan. Norma sosial pula merupakan kelakuan yang kebiasaan akan yang dikongsi oleh masyarakat dan anggota tersebut. Komponen kebendaan merujuk kepada objek yang konkrit dan objek fizikal seperti benda, tempat tinggal, teknologi termasuk penggunaannya. Ia turut mewakili cara persembahan sesuatu idea secara konkrit dalam bentuk tulisan ataupun buku.

Abdul Latiff Abu Bakar (1987) membahagikan budaya kepada dua bentuk, iaitu budaya materialistik dan budaya non-materialistik. Budaya materialistik meliputi peralatan kehidupan seperti pakaian, perumahan, peralatan rumah tangga, senjata, pengangkutan, alat-alat perhubungan, alat-alat muzik dan sebagainya. Budaya non materialistik pula merangkumi falsafah seperti estetika, etika, logika, metafizikal, epistemologi, kesenian (seni muzik, tari, drama, teater dan sastera), adat istiadat (keadaan yang menghubungkan dengan budaya seperti kesusilaan, kebiasaan masyarakat, istiadat dan upacara), bahasa (termasuk tulisan dan lisan), kepercayaan (termasuk ideologi), teknologi, kegiatan ekonomi, politik serta pendidikan.

Menurut pelopor kajian budaya, Tylor (1871) dalam buku *Globalisasi di Malaysia* tulisan Lukman Mohamad (2003), budaya sangat kompleks meliputi aspek pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, peraturan, adat dan lain-lain bentuk amalan yang menjadi pegangan sesebuah masyarakat. Lukman Mohamad (2003) di dalam bukunya turut menjelaskan bahawa cara hidup sesebuah masyarakat dapat diperhatikan berdasarkan paparan pengetahuan dan tingkah laku masyarakat. Beliau turut berpendapat bahawa generasi baharu pada hari ini perlu berhadapan dengan tekanan daripada budaya masyarakat lain yang lebih maju. Generasi baharu ini akan ketinggalan jika tidak melakukan penyesuaian dengan masyarakat yang lebih maju pada era moden kini.

1.8.3 Naratif

Naratif menurut Prince G. (2003) bermaksud penceritaan satu atau lebih peristiwa yang benar atau tidak benar oleh satu, dua atau beberapa pencerita kepada satu, dua atau beberapa penerima cerita. Fludernik (2009) pula menyifatkan naratif sebagai satu kata hubung atau wacana terhadap cerita yang boleh dipersembahkan melalui pelbagai bentuk media. Hal ini adalah kerana, konsep sesebuah cerita boleh disampaikan kepada khalayak melalui pelbagai kaedah komunikasi termasuklah kaedah lisan. Fludernik (2009) juga mendefinisikan naratif sebagai satu representasi dunia dalam bentuk linguistik atau medium visual bagi menyampaikan mesej. Secara tradisinya proses naratif atau penceritaan boleh difahamkan melalui tiga fasa mudah iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran.

Trischitta Andrea (2000) menjelaskan elemen pertama dalam naratif adalah berdasarkan pendekatan 5W+1H iaitu, siapa (who) yang menjurus kepada watak yang terdapat di dalam naratif. Ia mampu menjawab persoalan watak-watak, sifat dan perwatakan watak sama ada watak utama mahupun watak sampingan yang

menggerakkan cerita. Elemen kedua iaitu apa (what) menjurus kepada peristiwa atau konflik yang dihadapi oleh watak tersebut. Seterusnya, persoalan bilakah (when) dan di manakah (where) dijawab melalui latar masa dan latar tempat berlakunya sesuatu peristiwa. Elemen kelima iaitu kenapa (why) merupakan mesej tersirat yang ingin disampaikan pengarah atau penulis skrip di dalam cerita. Manakala, persoalan bagaimana (how) merujuk kepada plot iaitu babak peristiwa sesebuah cerita yang dikarang hanya menumpukan kepada watak utama. Penggabungan elemen-elemen naratif yang wujud melalui persoalan-persoalan tersebut adalah antara teknik dramatik yang berkesan dalam mencapai suatu cerita yang menarik (Perrine, 1974).

Selain itu, Bordwell dan Thompson (2008) menjelaskan naratif secara umumnya merupakan satu kata hubung atau wacana terhadap cerita yang dipersembahkan melalui pelbagai bentuk media melalui kaedah komunikasi termasuklah kaedah lisan. Struktur naratif merupakan rantaian peristiwa yang berlaku dalam ruang dan waktu yang di sebut sebagai cerita (Bordwell dan Thompson, 2008). Elemen naratif yang diterapkan dalam lakon layar meliputi pelbagai aspek mengikut perkembangan cerita itu sendiri. Menurut Prince (2003), naratif merupakan sebuah penceritaan satu ataupun lebih peristiwa yang benar dan yang tidak benar oleh satu atau beberapa pencerita kepada satu atau beberapa penerima cerita. Menurut Genette (1980) pula, cerita merupakan verbal secara kronologi oleh pengarang terutama dari aspek plot, watak perwatakan dan hubungan pengarang dengan cerita, penonton serta pembaca.

1.8.4 Seksualiti

Seksualiti dapat didefinisikan sebagai suatu perasaan yang melibatkan kefahaman diri terhadap emosi dan tindak balas seksual seseorang (Khadijah Mohd. Yunus, 2008). Seksualiti meliputi aspek perkembangan manusia yang bersifat multi dimensi dan komprehensif, iaitu mengenai fungsi anatomi, fisiologi dan biokimia sistem tindak

balas seksual manusia. Pengertian seksualiti perlu difahami sebagai keseluruhan aspek kehidupan manusia yang komprehensif yang membincangkan tentang perkembangan manusia, hubungan sesama manusia, kemahiran personal, tingkah laku seksual, kesihatan seksual dan, masyarakat serta budaya seseorang (SIECUS, 2004).

Selain itu, seksualiti juga merangkumi aspek kognitif (kemahiran asertif, berkebolehan membuat keputusan bijak dan seterusnya bertanggungjawab terhadap keputusan tersebut), afektif (perasaan kemesraan, diterima, disayangi, disukai dan rasa dihargai yang resiprokal antara dua insan), dan tingkah laku manusia seperti membina hubungan interpersonal yang sihat serta berkemahiran komunikasi yang efektif (Kong & Tan, 2010). Mereka turut menjelaskan bahawa istilah seksualiti boleh digunakan untuk merujuk kepada dimensi-dimensi seperti gender (kategori atau identiti, status, peranan), pemahaman dan tafsiran kelakuan sesuatu jantina (kelelakian, kewanitaan, erotisme, tarikan seksual, keberanian, kehormatan, stigma), identiti seksual (lesbian, gay, biseksual dan transeksual) dan perhubungan seksual (keintiman, concensus, komitmen).

Namun demikian, isu seksualiti dilihat janggal untuk dibicarakan secara terbuka kerana dianggap tabu oleh masyarakat (Wazakili, 2010; Lee, Chen, Lee & Kaur, 2006). Hal ini adalah kerana istilah seksualiti dilihat sinonim dengan istilah seks. Stigma masyarakat terhadap istilah seksualiti juga menjadikan seksualiti sebagai suatu yang sensitif terutamanya melibatkan pencerahan serta pendedahan pengetahuan mengenai seksualiti terhadap kanak-kanak. (Khadijah Mohd. Yunus, 2008; Wazakili, 2010). Takrifan seksualiti mencadangkan konsep seksualiti di zaman kanak-kanak muncul sebagai pertukaran antara faktor-faktor biologi, psikologi, budaya sosial dan kerohanian (Balter, van Rhijn & Davies, 2016). Kanak-kanak meneroka dan belajar tentang tubuh badan mereka serta membina identiti jantina. Kanak-kanak turut

memperoleh pengetahuan tentang peranan sosial dan budaya dalam kehidupan pada usia masih muda melalui interaksi dengan persekitaran mereka. Balter van Rhijn dan Davies (2006) turut menyatakan bahawa seksualiti merangkumi dimensi yang luas. Ia tidak hanya tertumpu kepada kelakuan seks individu sahaja. Mereka turut menjelaskan bahawa pendedahan dan pengetahuan mengenai seksualiti penting kepada masyarakat kerana dapat memupuk faktor-faktor yang berkenaan dengan seksualiti seperti biologi, psikologi, budaya sosial dan kerohanian yang sihat.

1.8.5 Materialisme

Definisi materialisme menurut Pieters R. (2013) merupakan orientasi yang menekankan pada pemilikan material dan wang untuk kebahagiaan peribadi serta perkembangan sosial. Beliau turut menjelaskan bahawa materialisme juga diertikan sebagai fahaman yang menyatakan mengenai pemilikan material dapat menandakan kebahagiaan seseorang. W. R. Swinyard (2000) menjelaskan skema yang lebih luas mengenai materialisme iaitu, materialisme merupakan suatu nilai yang mendorong kepada pemilihan dan perilaku masyarakat mengenai budaya kepenggunaan. Materialisme menurut beliau juga mencakupi tiga dimensi iaitu, tujuan hidup, kebahagiaan, dan ukuran kejayaan. Dimensi pertama yang dijelaskan oleh W. R. Swinyard (2000) mengenai tujuan hidup adalah berkaitan dengan pemusatan kebahagiaan materialis sebagai sasaran hidup. Konsumsi material berfungsi sebagai tujuan hidup dan untuk mencapai apa yang diinginkan, materialis akan bertindak untuk berusaha bagi mencapai sasaran serta kehendak mereka.

Bagi dimensi kedua, pemilikan material dilihat sebagai satu kebahagiaan kepada materialis. Pemilikan material yang disasarkan oleh materialis dalam kehidupan mereka dilihat sebagai satu kepuasan hidup dan dapat memberi kegembiraan. Ketiga, pemilikan material didefinisikan sebagai pengukur kepada kejayaan. Golongan

materialis akan menilai kejayaan diri sendiri dan orang lain melalui pemilikan harta yang diperolehi. Kejayaan dalam memperolehi apa yang diinginkan dilihat sebagai satu kejayaan yang besar dalam meningkatkan status mereka sebagai seorang yang berkemampuan dan kelihatan mewah. Golongan materialis juga ingin dinilai sebagai seorang yang mempunyai kehidupan yang sempurna dari sudut pemilikan kebendaan. Selain itu, definisi materialisme menurut R. A. Easterlin (2001) merupakan sesuatu yang bertitik tolak dari ukuran kehidupan yang bersifat kualitatif dengan memperolehi pelbagai capaian dari sudut material yang bersifat kuantitatif. Beliau turut melihat materialisme sebagai sesuatu yang memandangkan kesenangan dan kekayaan sebagai tujuan utama kehidupan yang berkualiti. Beliau turut melihat bahawa golongan materialis sanggup melakukan apa sahaja asalkan mereka sentiasa kelihatan mewah.

1.9 Rumusan

Kajian ini akan memberikan suatu perbincangan yang mendalam dari sudut bidang budaya dan perfileman. Percanggahan pandangan daripada kebanyakan pengkaji mahupun pembikin filem dengan pengkaji budaya juga diharap dapat menemui satu kata sepakat dalam mengembangkan idea demi mewarnai industri perfileman tanah air. Pengkaji telah memilih konsep moden yang diperkenalkan oleh Berger (1977). Namun, masih terdapat pengkaji tempatan yang mengetengahkan pandangan dan kajian mereka mengenai konsep ini dan dari itu pengkaji turut mengambil sedikit sebanyak pandangan pengkaji tempatan tersebut untuk disesuaikan dengan kajian yang dilakukan ini.

Faktor komersial juga penting dan tidak bermakna menghasilkan filem yang lebih mengangkat budaya tempatan, soal komersial diketepikan. Hal ini dapat diatasi dengan kombinasi buah fikiran yang kreatif dan kritis. Penelitian yang khusus dalam menghasilkan idea merupakan antara langkah bijak yang harus dititik beratkan dan perlu ditapis supaya

penyerapan dari unsur budaya luar tidak sekadar memberi implikasi negatif terhadap budaya dan masyarakat tempatan.

Melalui bab ini pengkaji telah memberikan suatu perbincangan yang mendalam dari sudut bidang budaya dan perfileman. Pengenalan secara terperinci dilakukan melalui penerangan tentang konsep budaya yang dinamik dan adaptif serta sentiasa mengalami perubahan. Definisi mengenai naratif turut dijelaskan dalam bab ini kerana kajian ini melihat kepada aspek naratif melalui filem-filem yang telah dipilih. Isu mengenai seksualiti dan materialisme juga dijelaskan pada bab ini dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada bab empat.

Maka, perkembangan budaya yang berlaku seiring dengan era modenisasi kini telah menarik perhatian pengkaji untuk menghuraikan secara terperinci mengenai naratif filemfilem bersifat moden arahan Bernard Chauhy yang telah dipilih berdasarkan dua isu yang sering dipaparkan iaitu isu seksualiti dan isu materialisme.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai topik yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji sebelum ini menjadi asas bagi menyokong kajian ini secara keseluruhan. Kajian literatur ini akan membantu pengkaji untuk lebih memahami konsep moden yang akan digunakan untuk menjawab objektif kajian. Dalam kajian ini, perkara yang menjadi keutamaan ialah untuk meneliti unsur seksualiti dan materialisme yang sering diterapkan dalam karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Unsur seksualiti dan materialisme dilihat sebagai satu unsur yang semakin berkembang pada era moden kini.

Selain membincangkan kajian lepas yang pernah dibuat oleh beberapa sarjana terdahulu mengenai modenisasi, globalisasi, filem dan budaya, bab ini turut membincangkan beberapa isu utama yang berkait rapat dengan kajian ini iaitu mengenai isu seksualiti dan isu materialisme.

2.2 Kajian Lepas

Radcliffe (1970) dalam kajian Ijazah Kedoktoran bertajuk *Education and Cultural Change among The Malays 1900-1940* menerangkan bahawa perubahan masyarakat daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat moden disebabkan oleh kuasa barat yang bermula pada akhir abad yang ke 19 merupakan satu tahap yang melibatkan pelbagai perubahan dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu. Unsur-unsur budaya barat dilihat senang berkembang dan mudah diterima oleh penduduk tempatan kerana barat dianggap moden dan beradaban tinggi. Dari masa ke semasa, masyarakat tempatan semakin menerima sesuatu unsur budaya

luar seiring dengan kemudahan kemasukan unsur budaya luar tersebut. Kajian oleh Radcliffe (1970) ini penting bagi memahami tentang perubahan sosial masyarakat Melayu disebabkan kemasukan unsur barat.

Nasruddin Yunos dan Siti Nor Baya (2007) dalam artikel mereka menjelaskan bahawa modenisasi adalah suatu idea pemikiran mendasari kehidupan masyarakat moden yang mempunyai ciri dan sifat yang tersendiri. Antara ciri-ciri penting yang terkandung dalam modenisasi adalah bersifat rasional, sekular, liberal serta mengutamakan kemajuan sains dan pembangunan ekonomi. Secara umumnya ciri-ciri tersebut merupakan asas kepada kekuatan modenisasi terutama menerusi peranannya sebagai konsep penting dalam pembangunan moden.

Yadri Irwansyah (2015) melalui kajian Ijazah Kedoktoran bertajuk *Dampak Modernisasi terhadap Kehidupan Sosial Masyarakat Desa Wisata Kasongan Kelurahan Bangunjiwo Kabupaten Bantul* menjelaskan bahawa terdapat kesan positif dan negatif hasil daripada penelitian yang telah dilakukan. Kesan positif yang dapat dilihat dengan kemunculan modenisasi terhadap kehidupan sosial masyarakat Desa wisata Kasongan Kelurahan Bangunjiwo Kabupaten Bantul adalah dengan munculnya semangat kerja yang tinggi di samping masyarakat yang lebih produktif. Selain itu, masyarakat juga dilihat semakin maju dan terbuka disamping kesedaran tinggi terhadap pendidikan.

Kesan negatif daripada kemunculan modenisasi yang dihadapi oleh masyarakat Desa Kasongan Kelurahan Bangunjiwo Kabupaten Bantul adalah masyarakatnya lebih bersikap individualistik dan semakin menyetepikan unsur kerjasama di antara satu sama lain. Perubahan gaya hidup juga dilihat ketara berlaku kerana masyarakatnya lebih terdedah kepada kemunculan teknologi terutamanya daripada media massa yang sering membawa masuk unsur budaya dari luar. Yadri Irwansyah (2015) turut menjelaskan bahawa modenisasi

merupakan sesuatu yang mampu membawa masyarakat ke arah kehidupan yang lebih progresif jika sesebuah masyarakat itu bijak menangani cabaran modenisasi tersebut.

Menurut Aminuddin Ruskam (2004), etika dan gaya hidup turut dikaitkan dengan kehidupan moden. Etika adalah perkara yang dikaitkan dengan kualiti moral atau tingkah laku manusia. Kehidupan moden dipopularkan dengan isu yang dikaitkan dengan etika dan gaya hidup manusia. Gaya hidup moden menggunakan pelbagai peristilahan seperti 3W dan 5C iaitu *wealth* (harta), *wine* (arak) serta *women* (wanita) dan *car* (kereta), *cash* (wang), *condominium* (kondominium), *career* (kerjaya) dan *credit card* (kad kredit) sebagai petanda kejayaan dan kekayaan. Nilai tersebut diterapkan melalui usaha dan aktiviti perniagaan, perdagangan, pendidikan, pelajaran, sosial dan kebajikan. Buktinya melalui penubuhan beberapa kelab sosial seperti *Rotary Club*, *Lions Club*, *Appex Club*, *Jaycees Club* dan *Innair Wheellets Club* yang mengadakan aktiviti sosial seperti sukan, fesyen, pertandingan ratu cantik, majlis tari-menari dan majlis sosial yang berkaitan.

Kajian Ijazah Sarjana yang dilakukan oleh Nor Azam Ahmad Zawawie (1991) menentengahkan perbincangan kajian *Industri Filem Melayu: Antara Realiti dan Impian* mengenai perkembangan filem Melayu dari zaman awal, zaman kegemilangan (50-an dan 60-an), zaman kemerosotan dan juga ketika zaman tertubuhnya badan-badan untuk memajukan industri filem negara. Nor Azam Ahmad Zawawie (1991) juga menjelaskan bahawa melalui setiap perkembangan tersebut, tidak dinafikan bahawa berlakunya proses imitasi dalam kalangan penonton terutamanya dari kalangan kanak-kanak dan remaja. Pengaruh yang ditinggalkan oleh pelakon popular ketika era 50-an dan 60-an terutamanya melalui lakonan P. Ramlee amat mendapat sambutan apabila gaya percakapan sehingga cara berpakaian telah menjadi ikutan para remaja ketika itu. Hal ini menjelaskan bahawa

sememangnya filem menjadi salah satu medium yang mampu memberi implikasi dan perubahan kepada sesebuah masyarakat.

Kajian Ijazah Sarjana yang dilakukan oleh Ahmad Ismail (2005) bertajuk *Kesan Globalisasi ke atas Pembentukan dan Perkembangan Peradaban Melayu* menjelaskan mengenai pengaruh barat yang memberi kesan kepada perubahan sosiobudaya masyarakat Melayu yang mengakibatkan kelahiran konsep-konsep budaya seperti budaya popular dan sistem pendidikan popular. Beliau turut menegaskan bahawa perluasan kapitalisme dan kepesatan proses modenisasi serta urbanisasi telah membudayakan corak kehidupan masyarakat Melayu yang terikut-ikut budaya masyarakat di barat berikutan perkembangan sains dan teknologi. Budaya popular juga mampu melahirkan konsep-konsep hidup dan nilai baharu yang memberi fungsi kepada pelbagai aspek kehidupan seperti individualistik, materialistik, hedonistik dan gaya hidup. Pada beliau, konsep hidup baharu ini menjadikan nilai ketimuran semakin dipinggirkan dan menganggap cara hidup barat sebagai *trend* yang harus diikuti.

Permasalahan ataupun isu mengenai percampuran pengaruh luar ke dalam kehidupan masyarakat di sesebuah negara bukan sahaja berlaku di Malaysia, malahan turut berlaku dan menjadi isu yang sering diangkat di negara-negara luar. Indonesia umpamanya selama ini telah mendapat pengaruh dari budaya-budaya besar dunia seperti India, Cina, Islam, dan Barat. Perkara ini dinyatakan oleh Dian Swandayani, Iman Santoso, dan Nurhadi (2010) melalui artikel yang dibentangkan di Konferensi Internasional Kesusastraan di Universiti Airlangga, Surabaya. Melalui artikel ini dijelaskan bahawa sejumlah pengaruh budaya Eropah di Indonesia telah menerima penyebaran dan peresapan pengaruh Eropah yang diwakili oleh aspek-aspek budaya seperti falsafah, sastera, teater, muzik, tari, filem dan fesyen. Indonesia juga seperti Malaysia yang mana boleh menerima pengaruh luar namun

perlu dibatasi supaya unsur budaya luar yang negatif tidak meresap ke dalam budaya Indonesia (Dian Swabdayani, Iman Santoso dan Nurhadi, 2010).

Wan Abdul Kadir (2006) melalui penulisannya iaitu *Peradaban Melayu dalam Modenisasi dan Globalisasi Budaya* menyatakan bahawa ketika era kolonial, pihak kolonial telah berusaha menyebarkan budaya mereka kepada masyarakat dan penduduk Melayu ketika itu. Wan Abdul Kadir (2006) dalam kajiannya mendapati pengaruh budaya kolonial membawa kesan terhadap budaya Melayu iaitu budaya Melayu semakin dipinggirkan dan ini menjejaskan identiti Melayu. Budaya Melayu dilihat tidak maju dan moden, ketinggalan zaman berbanding dengan peradaban yang dibawa oleh kolonial.

Wan Abdul Kadir (2006) turut menyatakan dalam kajian beliau bahawa perkembangan dan perubahan budaya kolonial yang dianggap maju dan moden itu juga mempengaruhi perubahan budaya Melayu. Unsur-unsur budaya Melayu turut didapati menjadi bahan-bahan budaya yang diperdagangkan tetapi disesuaikan dengan perubahan. Beliau turut menjelaskan bahawa aspek yang turut mengalami perubahan adalah bidang seni dan hiburan. Contoh yang terbaik ialah persembahan bangsawan yang merupakan bahan budaya yang diperdagangkan oleh pengusaha-pengusaha yang mencari keuntungan. Bangsawan sebagai teater popular Melayu muncul sebagai budaya popular adalah berasaskan nilai ekonomi yang diberikan kepadanya. Sebagai kegiatan ekonomi, pengusaha menawarkan bahan budaya itu bersesuaian dengan keperluan cita rasa budaya orang ramai. Kemudian, piring hitam Melayu dan filem Melayu turut menjadi bahan-bahan budaya popular yang berkembang pesat dalam masyarakat Melayu yang berubah.

Hal tersebut turut disokong oleh Asiah Sarji (2003) melalui kajiannya dalam jurnal komunikasi, *Perfileman dan Kesannya terhadap Masyarakat: Ke arah Pengekalan dan*

Penyuburan Nilai-nilai Murni Masyarakat Malaysia. Beliau menyatakan bahawa para karyawan berpendapat penghasilan karya seni dan kreativiti sesebuah filem itu bersifat tidak terbatas. Keadaan menjadi lebih rumit apabila keinginan dan kehendak para karyawan yang beranggapan bahawa sistem kawalan kandungan budaya khususnya filem yang sedia ada tidak lagi sesuai, tidak jelas dan terlalu mengongkong. Kesannya, para karyawan lebih menganggap bahawa budaya barat dilihat lebih moden dan terbuka dan mempunyai suatu pengisian yang segar dan baharu bagi menentengkannya kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, tulisan Asiah Sarji turut meneroka kewajaran penapisan filem dalam konteks sosio-budaya masyarakat Malaysia pada kurun ke- 21. Beliau membincangkan mengenai usaha mengenal pasti kedudukan keyakinan dan kepercayaan warga Malaysia umumnya dan mereka yang berkait secara langsung dengan dasar kandungan budaya media serta penghasilan kandungan media khususnya terhadap pengkalan dan penyuburan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Secara tidak langsung, kajian ini meninjau semula mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kawalan kandungan dan penyuburan unsur-unsur nilai tidak murni dalam filem di peringkat sejagat dan tempatan.

Kajian oleh Asiah Sarji itu juga turut menyatakan bahawa sesebuah negara itu tidak ketinggalan daripada menerima pengaruh dari negara-negara luar yang lebih berpengaruh. Budaya yang ada persamaan dengan budaya utama sahaja akan dianggap sebagai budaya bertamadun. Jika ingin melihat sesebuah negara menjadi sekutu dalam sesuatu tamadun bagi sesuatu budaya utama di barat, maka negara-negara lain ini perlulah bersama dengan budaya utama itu ataupun dengan istilah lain, *with the west*. Jika tidak, kelompok yang tidak bersama budaya utama dunia ini akan dikenali dengan kelompok *with the rest*. Kajian Asiah Sarji (2003) ini memberi suatu sudut pandangan terbuka mengenai pembikin filem yang cuba

mengangkat budaya luar untuk diserapkan di dalam filem tempatan dan memperlihatkan kesannya kepada masyarakat Melayu.

Amriah Buang (2005) dalam jurnalnya iaitu *Globalisasi Ekonomi dan Impaknya kepada Ruang Bandar di Malaysia* telah membincangkan hakikat globalisasi ekonomi yang telah memberi impak kepada ruang budaya bandar di Bangsar. Beliau menjelaskan bahawa dari sudut landskap, kehadiran golongan ekspatriat di Bangsar telah membawa kepada kewujudan bistro, kelab malam dan kedaiurut di sekitar jalan Bangsar Baru. Melalui kewujudan tempat hiburan seperti ini, keupayaan untuk mempertahankan keutuhan budaya tempatan semakin terugat oleh proses yang dipanggil globalisasi.

Amriah Buang (2005) turut menjelaskan bahawa terdapat beberapa kategori kebudayaan di dunia ini yang telah terglobal. Contohnya seperti budaya makan iaitu makanan Jepun boleh didapati di Amerika dan begitu juga makanan Amerika semakin popular di Jepun. Budaya fesyen pula semakin meluas dan mendapat tempat di seluruh dunia dengan jenama-jenama terkemuka seperti Jeans Levi's, Esprit, Laura Ashley dan sebagainya. Begitu juga berkenaan dengan budaya muzik dan hiburan yang mana pelbagai jenis genre muzik diterima di seluruh dunia. Tempat hiburan seperti Disneyland juga terdapat di negara luar dari Amerika seperti di Jepun yang dikenali sebagai Tokyo Disneyland. Melalui jurnal ini, Amriah Buang (2005) memberikan satu konklusi bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mudah untuk menerima sesuatu budaya dari luar. Perkara ini dapat dilihat melalui proses media yang berlaku di Malaysia dengan pantas melalui dasar liberalisasi kerajaan terhadap media cetak, pengkomersilan dan penswastan sistem penyiaran, pertumbuhan rangkaian kedai video dan arked permainan video. Jadi, proses globalisasi yang dibincangkan oleh Amriah Buang (2005) ini bukan sahaja terhad kepada media di dalam

negara, malahan terdedah kepada isi kandungan media antarabangsa yang lebih mendorong kepada kesan negatif jika tidak dikawal dan dipantau sebaiknya.

Naim Ahmad (2011) melalui bukunya bertajuk *Filem Islam Satu Pembicaraan* pula lebih cenderung kepada kajian mengenai garis panduan yang perlu ada di dalam sesebuah filem menurut perspektif Islam. Beliau dalam kajiannya memfokuskan filem daripada perspektif Islam kerana terpenggil untuk melakukan kajian mengenainya apabila industri filem tempatan mula diwarnai dengan filem-filem yang menjadi kontroversi yang dihasilkan oleh pembikin-pembikin filem Malaysia sendiri. Terutamanya kontroversi daripada aspek naratif yang antara lain berkaitan dengan cerita, tema, persoalan dan isi yang dikatakan secara tersurat atau tersirat menyentuh isu-isu agama dan budaya. Maka, Naim Ahmad (2011) telah mengemukakan beberapa cadangan daripada kajiannya ini dalam menghasilkan filem yang sesuai dengan masyarakat Melayu beragama Islam.

Naim Ahmad (2011) dalam kajiannya mencadangkan bahawa perkara utama yang harus dititikberatkan adalah dari segi penulisan dan olahan skrip. Pada beliau, skrip merupakan perkara utama yang perlu diteliti sebelum sesuatu karya difilemkan. Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) meletakkan garis panduan bahawa skrip diteliti dari pelbagai sudut pengisian selepas selesai melakukan penggambaran sesebuah filem. Naim Ahmad (2011) melihat perkara ini sebagai sesuatu yang tidak relevan dan oleh yang demikian, beliau mencadangkan bahawa skrip perlu ditapis ketika sebelum penggambaran dilakukan lagi supaya babak-babak yang keterlaluan dan tidak sepatutnya dapat ditapis seterusnya dapat menghasilkan karya yang lebih berkualiti.

Dalam kajian beliau ini juga, aspek nilai dan etika sangat memainkan peranan penting dan menjadi faktor kawalan utama dalam penghasilan sesuatu karya. Naim Ahmad (2011) menyenaraikan 10 aspek dari sudut pengisian dan garapan yang perlu dititikberatkan oleh

pengkarya mahupun pihak bertanggungjawab dalam menghasilkan karya yang lebih sempurna. 10 aspek tersebut adalah naratif, dramatik, sinematografi, semiotik, pengarahan seni, set dan latar, busana dan perhiasan, muzik dan lagu, aspek teknikal, kontekstual, aplikasi serta terapan dan akhir sekali ialah aspek hiburan.

Daly Daud, Nursyamimi Harun dan Rozalafri Johori (2014) dalam kajian bertajuk *Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian* membincangkan mengenai permasalahan isu-isu penulisan skrip terutamanya daripada segi pengisian penceritaan. Antara permasalahan utama dalam penghasilan skrip adalah dari aspek tiada penekanan jati diri dalam naratif sesebuah karya. Bidang perfileman di Malaysia atau drama dilihat lebih menerapkan pengaruh budaya Barat berbanding menekankan jati diri tempatan. Sebahagian besar para penerbit tempatan pula gemar mengangkat imej filem atau drama yang negatif serta tidak menguntungkan agama, bangsa dan negara. Kebanyakan drama atau filem Malaysia dihasilkan mengikut kemahuan penerbit bukan Melayu yang lebih mementingkan keuntungan. Kesannya, karya-karya ini tidak menaikkan imej Melayu, tidak menyebarkan nilai Islam, tidak menguatkan iman serta tidak merapatkan perpaduan Melayu dan ummah (Ummu Hani Abu Hassan, 2011).

Kajian ini mendapati bahawa, selain daripada penekanan jati diri yang longgar dalam naratif sesebuah karya, terdapat beberapa aspek lain yang mempengaruhi penghasilan sesebuah skrip oleh penulis skrip. Antaranya adalah seperti kekurangan aspek penyelidikan, penguasaan bahasa yang lemah, bayaran penulis skrip yang terlalu rendah, skrip yang terlalu sarat, bakat baharu yang tidak terlatih dan penulis skrip yang kurang membaca. Aspek-aspek yang dinyatakan di atas perlu dititikberatkan supaya penghasilan skrip yang lebih bermutu dapat dihasilkan.

Khairul Zainizah (2007) yang melakukan kajian mengenai Kajian Ilmiah terhadap *Sinema Kebangsaan dan Ciri-ciri Identiti dalam Filem Malaysia* membincangkan mengenai penyerapan nilai-nilai sinema kebangsaan dalam sesebuah filem yang secara tidak langsung akan mencetuskan tanggapan dan gambaran terhadap sesebuah masyarakat. Menurut beliau juga, kajian ini adalah untuk memahami maksud sinema kebangsaan dalam identiti kebangsaan yang memberi penekanan pada elemen-elemen kehidupan masyarakat dalam perkembangan naratif (Khairul Zainizah, 2007).

Melalui kajian ini juga, Khairul Zainizah (2007) turut menghasilkan filem pendek yang mana menerapkan aspek sinematografi berteraskan sinema kebangsaan. Beliau mencari persoalan-persoalan yang wujud dan sejauh mana keberkesanan objektif kajian ini dapat disampaikan melalui video naratif yang dihasilkan. Selain itu, filem *Sepet* (2004), *Spinning Gasing*(2001) dan *Jogho*(1999) turut menjadi sampel kajian ini bagi tujuan perbincangan yang lebih mendalam mengenai pemaparan sinema kebangsaan. Khairul Zainizah (2007) turut berpandangan bahawa sinema kebangsaan merujuk kepada sebuah filem yang berlatarkan negara tersebut serta mempamerkan budaya dan identiti masyarakat itu sendiri. Namun begitu, menurut beliau sesebuah filem itu perlu berada pada landasan yang betul kerana cerita, bahasa dan budaya adalah daripada masyarakatnya sendiri. Penyerapan dari unsur budaya luar boleh diterima asalkan tidak mencemarkan budaya masyarakat setempat.

2.3 Seksualiti dalam masyarakat global Melayu

Seksualiti merangkumi beberapa aspek yang diperhalusi dari sudut definisinya. Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti kajian seksualiti mengenai kecelaruan identiti gender oleh Dogan & Dogan (2006). Kajian ini meneroka mengenai penerimaan dan kesan sikap keluarga muslim terhadap anak mereka di Turki. Dapatan kajian telah menunjukkan wujudnya sikap negatif terhadap homoseksualiti yang

mana mereka mengenalpasti gaya sebagai lelaki yang menyerupai wanita dan lesbian pula wanita menyerupai lelaki (Dogan & Dogan, 2006). Kajian ini juga menunjukkan ibu bapa inginkan kepastian mengenai kecelaruan gender dan ingin mengetahui samada anak mereka dapat memenuhi keperluan sosial seperti berkahwin dan mempunyai anak. Kajian ini menunjukkan ibu amat risau jika anaknya tergolong sebagai homoseksual atau mempunyai kecelaruan identiti jantina.

Kajian oleh Polat, A., Yuksel, S., Discigil, A. G. & Meteris, H. (2005) di Turki memfokuskan kepada kepentingan penglibatan keluarga dalam proses perubahan individu transeksual. Dapatan kajian mendapati 70 peratus kecelaruan identiti jantina berlaku selepas akil baligh. 63.8 peratus keluarga menyatakan situasi ini sebagai pengalaman yang mengerikan dan satu pertiga dari keluarga yang dikaji menyatakan bahawa mereka bertanggungjawab terhadap masalah kecelaruan ini. Majoriti keluarga dalam kajian ini cuba mengatasi masalah ini dari diketahui oleh persekitaran walaupun dengan keluarga terdekat. Pihak keluarga memberikan bimbingan dan sokongan penuh kepada ahli keluarga yang menghadapi kecelaruan identiti jantina ini. Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa penglibatan ahli keluarga dalam proses perubahan individu kategori ini adalah sangat penting demi kebahagiaan kedua-dua pihak iaitu ahli keluarga dan individu berkenaan.

Kong, M. S., & Tan, H. N. (2010) melalui kajian mereka iaitu *Kurikulum Pendidikan Seksualiti Di Peringkat Sekolah* menjelaskan bahawa seksualiti merangkumi aspek kognitif, afektif dan tingkah laku manusia seperti membina hubungan interpersonal yang sihat serta berkemahiran komunikasi yang efektif. Mereka turut menjelaskan bahawa istilah seksualiti boleh digunakan untuk merujuk kepada dimensi-dimensi seperti gender, pemahaman dan tafsiran kelakuan sesuatu jantina, identiti seksual dan perhubungan seksual. Di Malaysia, mereka melihat isu mengenai lesbian, gay, biseksual dan transeksual yang berada di bawah

dimensi identiti seksual semakin meningkat saban tahun walaupun di Malaysia isu ini merupakan sesuatu yang ditolak oleh golongan majoriti.


Kajian yang dilakukan oleh Hayati Megat dan Hudani Nawati (2015) membincangkan mengenai kecelaruan identiti yang dialami oleh golongan lelaki yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta dan awam di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini dilakukan untuk memahami mengapa golongan ini menongkah norma, adat dan agama. Perbincangan melalui kajian ini juga dilakukan melalui penelitian terhadap latarbelakang, alasan mengekalkan tingkah laku penampilan dan pandangan subjek mengenai tingkah laku mereka. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temuduga berstruktur dan sembilan subjek lelaki telah dipilih berdasarkan penampilan fizikal mereka.

Dapatan kajian oleh Hayati Megat dan Hudani Nawati (2015) ini juga dianalisa dan dikelompokkan kepada beberapa tema iaitu pemahaman latarbelakang (hubungan dengan ibu bapa, koleksi barang kesayangan, tempat yang sering dikunjungi, fokus penampilan, hubungan interpersonal, ciri teman istimewa dan perkahwinan), alasan mengekalkan tingkah laku penampilan (faktor perasaan dan faktor masa silam) dan pandangan mengenai tingkah laku (pandangan terhadap penampilan, perasaan terhadap pandangan masyarakat, alasan memilih gaya hidup, pandangan terhadap diri dan kehidupan sekarang, penghalang untuk berubah). Antara dapatan kajian menunjukkan kesemua subjek sedar tingkah laku tersebut tidak disukai oleh ibu bapa dan kerana itu mereka menyembunyikan tingkah laku tersebut dari pengetahuan ibu bapa. Faktor masa silam dan faktor perasaan telah mengukuhkan tingkah laku kecelaruan golongan ini dan sebahagian besar merasa sangat bahagia dan berpuas hati dengan kehidupan mereka sekarang.

Kajian yang dilakukan oleh Marziana Abd Malib dan Mimi Sofiah Mustafa (2014) membincangkan mengenai isu transeksual yang menular di dalam masyarakat Malaysia dewasa ini dari perspektif perundangan sedia ada. Melalui kajian dan penulisan mengenai isu transeksual ini, terdapat pelbagai punca atau faktor berlakunya isu ini serta implikasinya dilihat bukan sahaja terhadap individu tersebut, malahan turut diihat terhadap mereka yang berada di sekeliling individu itu. Ini bermaksud, hasil kajian ini dilihat bahawa masyarakat umumnya menyedari kesan buruk daripada isu ini namun jumlah bilangan mereka yang tergolong dalam kelas transeksual meningkat dari tahun ke tahun. Kajian ini juga menumpukan kepada peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia terhadap isu transeksual. Dapatan kajian melalui temu bual pegawai dari beberapa Jabatan Agama Islam, menunjukkan tiada undang-undang spesifik yang menyeluruh untuk membendung secara efektif isu transeksual di Malaysia kini, baik untuk yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam. Di antara penyebabnya ialah status agama seseorang transeksual itu menyebabkan undang-undang peribadinya yang dirujuk jika timbul masalah berkaitan dengannya. Peruntukan undang-undang sedia ada pula, samada sivil atau syariah, memerlukan banyak penambahbaikan untuk menangani isu transeksual ini.


Satu kajian telah dilakukan oleh Pew Reseach Centre berkenaan dengan penerimaan masyarakat di seluruh dunia terhadap isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Melalui kajian tersebut, tinjauan telah dilakukan ke atas 37,653 responden dari 2 Mac 2013 hingga 1 Mei 2013 di 39 buah negara dan mendapati penerimaan meluas homoseksual berlaku di Amerika Utara, Kesatuan Eropah dan sebahagian besar Amerika Latin. Bagi negara yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti di Afrika, negara-negara di Asia Tenggara dan Timur Tengah penduduknya rata-rata menolak isu mengenai homoseksual ini. Tinjauan itu juga mendapati bahawa penerimaan homoseksual adalah amat meluas di negara-negara yang

kurang menerapkan unsur keagamaan di dalam kehidupan seiring dengan apa yang telah dijelaskan oleh Berger (1977). Isu mengenai homoseksual ini juga dilihat diterima dengan meluas oleh negara-negara yang mempunyai ekonomi yang kukuh di dunia. Kemodenan dilihat menjadi satu pencetus kepada sesuatu pengaruh yang baik mahupun buruk terhadap masyarakat. Sebaliknya, bagi negara-negara yang menjadikan agama sebagai garis panduan, kepercayaan dan penerimaan homoseksual diwakili hanya dari sebilangan golongan minoriti.



Rajah 2.1: Penerimaan 39 negara mengenai homoseksualiti

Pada tahun 2017, Pew Reseach Centre sekali lagi mengeluarkan statistik mengenai penerimaan isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual di Amerika Syarikat. Berlaku peningkatan penerimaan lesbian, gay, biseksual dan transeksual dari tahun ke tahun. Masyarakat di Amerika Syarikat secara majoritinya (63%) bersetuju untuk menerima gaya hidup homoseksual dalam kehidupan mereka. Berikut merupakan statistik penerimaan masyarakat Amerika Syarikat terhadap isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual yang telah dikeluarkan oleh Pew Reseach Centre (2007).



Rajah 2.2: Penerimaan masyarakat di Amerika Syarikat mengenai homoseksualiti

Di Malaysia, isu seksualiti terutamanya berkaitan dengan homoseksual turut dilihat meningkat dari tahun ke tahun (Kong, M. S., & Tan, H. N., 2010). Terdapat juga pihak aktivis yang lantang bersuara dan menginginkan hak kebebasan untuk memilih jantina yang mereka inginkan. Terdapat beberapa kes yang berlaku di Malaysia berkenaan dengan isu seksual seperti rayuan permohonan transeksual Mohd Ashraff Hafiz b. Abdul Aziz untuk menukar nama dan status jantintanya di Jabatan Pendaftaran Negara. Kecelaruan identiti yang dihadapi telah mendorong beliau melakukan pembedahan jantina di Thailand pada 2008 dan bagi permohonan ini, beliau melalui peguamnya Harley Isaacs cuba meyakinkan pihak mahkamah untuk mengesahkan bahawa beliau adalah seorang wanita. Namun begitu, permohonan beliau telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara (Marziana Malib & Mimi Sofia, 2014).

Selain itu, terdapat lagi satu kes mengenai homoseksual yang lebih menjurus kepada permasalahan gay. Ariff Alfian yang merupakan rakyat Malaysia yang pernah menuntut di Universiti College Dublin (UCD) di dalam jurusan perubatan telah menggemparkan rakyat Malaysia apabila beliau telah berkahwin dengan pasangan gaynya di Dublin, Amerika Syarikat. Majlis perkahwinan tersebut berlangsung di sebuah gereja dan Ariff Alfian ketika majlis tersebut dilihat memakai baju Melayu lengkap bersamping dan bertanjak (Utusan Online, 2011). Kes ini mendapat liputan hebat dari pelbagai pihak dan perhatian umum

masyarakat kerana dianggap melanggar apa yang telah ditetapkan oleh agama Islam yang melarang umatnya terlibat di dalam isu hubungan sejenis. Contoh kedua-dua isu seksualiti yang lebih menjurus kepada homoseksual yang melibatkan seseorang beragama Islam dan berbangsa Melayu amat membimbangkan bukan sahaja kepada pucuk pemimpin tetapi juga kepada rakyat Malaysia rata-rata bagi ibu bapa kerana gusar isu seperti ini akan terus merebak pada masa akan datang (Marziana Malib & Mimi Sofia, 2014).

Bagi kedua-dua kes tersebut, mereka bukan sahaja terjebak di dalam isu homoseksual malahan rentetan daripada kes itu terdapat beberapa aktivis dan individu yang bangkit dan membela nasib golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual yang terdapat di Malaysia. Umpamanya, tindakan Muhamad Juzaili Mohamad Khamis yang telah mengemukakan tujuh persoalan undang-undang untuk pertimbangan mahkamah berkenaan kebebasan berpakaian kepada golongan transeksual. Permohonan beliau pada awalnya telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi namun Mahkamah Rayuan telah menerima rayuan yang telah dilakukan oleh beliau. Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Mohd. Hishamudin dalam kenyataannya di akhbar Utusan Online telah menjelaskan bahawa penguatkuasaan Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Undang-Undang Negeri Sembilan 1992 yang melarang kaum lelaki memakai pakaian perempuan atau berkelakuan seperti perempuan itu akan meletakkan perayu-perayu yang mengalami kecelaruan identiti jantina (GID) terus hidup dalam ketidakpastian, kesengsaraan dan rasa malu (Utusan, 2017).

Melalui isu seksualiti yang dibincangkan dan diketengahkan di atas dapat dilihat isu ini boleh berlaku pada sesiapa sahaja. Isu seksualiti berkaitan dengan isu homoseksual yang diketengahkan dalam kajian ini dapat diterima oleh majority masyarakat di barat. Namun dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kajian konteks di Malaysia.

2.4 Materialisme dalam masyarakat Melayu moden


Melihat kepada isu materialisme, golongan wanita dilihat lebih sinonim dengan isu membeli-belah dan terdapat di antara mereka yang sanggup berbelanja besar semata-mata untuk memenuhi keinginan walaupun kurang berkemampuan. Sikap materialistik yang tidak terkawal ini menyebabkan mereka terjerumus dalam bebanan hutang. Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Doktor Mohamad Fazli Sabri melalui Faizatul Farlin (2015) menjelaskan bahawa seramai 5,731 wanita diisytiharkan muflis pada tahun 2011 dan mereka terdiri daripada golongan muda antara usia 20 hingga 29 tahun. Beliau turut menyatakan pandangan bahawa golongan wanita lebih gemar membeli-belah kerana mereka bukan saja membeli-belah untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain seperti ahli keluarga. Golongan ini juga mudah terpengaruh selain suka kepada sesuatu yang cantik dan kebiasaannya akan menyebabkan pengurusan kewangan mereka berada pada tahap sederhana.



Rajah 2.3: Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata (RM)

Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri menjelaskan sikap suka membeli-belah ini juga amat mempengaruhi masyarakat yang tinggal di bandar-bandar besar. Hal ini turut dibuktikan dengan hasil Laporan Penyiasatan Isi Rumah 2014 yang dilakukan oleh Jabatan

Perangkaan Malaysia di Rajah 2.4. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Malaysia telah meningkat daripada RM2,190 pada 2009 kepada RM3,578 pada 2014. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bandar telah menunjukkan peningkatan pada kadar 9.3 peratus setahun daripada RM2,465 kepada RM3,921 manakala di luar bandar pula meningkat pada kadar 8.4 peratus setahun daripada RM1,599 kepada RM2,431 bagi tempoh 2009 hingga 2014.



Rajah 2.4: Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Negeri pada tahun 2009 dan 2014

Selain itu, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut negeri di Rajah 2.4 pula menunjukkan bahawa Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi (RM5,627), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM5,559), Selangor (RM4,646), Melaka (RM3,809) dan Johor (RM3,808).

Syamimi Alaudin (2017) dalam kajian beliau iaitu *Materialisme dan Masyarakat Malaysia* menjelaskan bahawa masyarakat Malaysia kini terlalu obses dengan kebendaan

atau materialistik. Golongan muda dilihat sering berbelanja di tempat eksklusif dan menjalani gaya hidup mewah. Kecanggihan teknologi seperti internet turut mendorong kepada golongan materialis bersikap menunjuk-nunjuk dengan cara mempamerkan foto mereka di media sosial untuk mendapatkan *like* serta komen. Beliau juga mendapati daripada kajian yang dilakukan bahawa kejayaan seseorang itu diukur berdasarkan kebendaan. Seseorang itu dihormati kerana kemewahan yang dimiliki.

2.5 Rumusan

Berdasarkan kajian lepas di atas, pengkaji bukan sahaja dapat menambahkan pemahaman berdasarkan konsep atau pendapat berkaitan topik kajian, malahan pengkaji dapat mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk digunakan bagi mencapai objektif kajian.

Kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana amat membantu pengkaji untuk mengukuhkan lagi kajian ini. Kajian ini akan menghuraikan secara mendalam mengenai unsur seksualiti dan materialisme dalam karya Bernard Chauhy dan Rafidah Abdullah. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan mengenai unsur seksualiti dan materialisme dalam filem yang telah dipilih melau aspek naratif.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data secara primer dan sekunder. Bagi kaedah pengumpulan data secara primer, pengkaji melakukan temu bual tidak berstruktur bersama penulis skrip bagi filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012), iaitu Rafidah Abdullah bagi mendapatkan pandangan beliau mengenai kajian yang dilakukan ini. Pengkaji turut menemubual Mahadi Jermadi Murad yang merupakan seorang pengkaji filem di Malaysia bagi mendapatkan data serta maklumat berkaitan insudri perfileman Malaysia.

Selain itu, melalui data primer ini juga pengkaji menganalisis isi kandungan filem kajian. Analisis isi kandungan yang dimaksudkan adalah dengan melakukan tontonan filem secara kritis dan kritikal. Dalam kajian ini, pengkaji bergantung kepada pengumpulan data teks daripada sampel filem sebagai sumber data utama penyelidikan kualitatif. Filem ini ditonton sekurang-kurangnya lima kali bagi mendapatkan data makna teks. Tontonan pertama dilakukan untuk mendapatkan gambaran dan kesan keseluruhan filem tersebut manakala penontonan peringkat kedua dan seterusnya melibatkan proses pengekodan melalui pencerakinan dan kupasan isi kandungan filem bagi menjawab permasalahan dan persoalan kajian. Manakala untuk memastikan makna data dirakam dengan tepat, proses pengumpulan data dilakukan sebaik sahaja setiap penontonan selesai.

Bagi memastikan kesahihan makna, ulangan filem perlu dilakukan. Sampel filem yang dipilih ditonton dan dibaca berulang-ulang kali. Analisa data hanya bermula setelah semua proses pengumpulan data selesai dilakukan. Analisis dilakukan terhadap babak

terpilih untuk melihat isu seksualiti dan materialisme secara lebih mendalam. Struktur naratif filem iaitu isi kandungan cerita dan cara penceritaan melalui cerita dan plot digunakan bagi mendalami analisis yang dilakukan. Proses analisis ini menggunakan apa yang dicadangkan oleh Othman (2009) serta Zhang dan Wildemuth (2009) yang mana menjelaskan bahawa analisis data sebagai proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang dikumpul.

Bagi kaedah pengumpulan data secara sekunder pula pengkaji melakukan kajian kepustakaan. Pengkaji telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bahan-bahan yang diperoleh adalah daripada buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar dan akhbar. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber rujukan data dan fakta ialah:

- i. Perpustakaan Negara.
- ii. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- iv. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.
- v. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- vi. Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya
- vii. Perpustakaan Awam Negeri Selangor
- viii. Perpustakaan Utama, Universitas Andalas.
- ix. Galeri Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

3.2 Modenisasi

Moore (1964) menjelaskan bahawa modenisasi melibatkan perubahan menyeluruh terhadap masyarakat tradisional kepada bentuk teknologi dan organisasi sosial yang akhirnya membentuk masyarakat maju seperti negara dunia barat. Dunia barat dikatakan mempunyai kedudukan ekonomi dan politik yang stabil dan perkembangan ini digelar sebagai perindustrian. Perindustrian bererti penggunaan sumber tenaga secara menyeluruh bagi mendapatkan hasil ekonomi yang lebih kukuh.

Syed Hussein Alatas (1970) pula melihat modenisasi sebagai suatu proses ilmu pengetahuan saintifik moden yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan yang diperkenalkan dalam pelbagai tahap. Melalui modenisasi berlaku penyebaran dan penyerapan dari negara barat ke negara bukan barat melalui kaedah dan kelompok yang berlainan. Tujuannya adalah untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan menyebarkan pemahaman barat seperti yang diterima oleh masyarakat barat.

Dalam kajian ini, konsep modenisasi yang digunakan untuk menganalisis filem kajian ialah modenisasi yang diperkenalkan oleh Peter Berger (1977). Pengkaji memilih konsep modenisasi yang diketengahkan oleh Berger (1977) kerana beliau membincangkan secara terperinci mengenai konsep ini yang dikaitkan dengan isu ikatan keagamaan menjadi punca kepada sesuatu kekuatan serta kelemahan sesebuah masyarakat moden.

3.2.1 Konsep Modenisasi Peter Berger (1977)

Bagi kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan konsep modenisasi yang mana konsep ini dianggap bersesuaian dengan kajian pengkaji. Konsep modenisasi merupakan satu istilah yang merujuk kepada kemajuan atau proses perubahan. Konsep ini juga menerangkan mengenai ciri-ciri dan bentuk sosial yang diwujudkan melalui revolusi

perindustrian yang bermula di Eropah Barat pada abad 18. Perubahan sosial selepas revolusi perindustrian ini dikatakan sebagai modenisasi (Rohana Yusof, 2010). Pengkaji turut memilih konsep ini kerana konsep modenisasi dilihat sesuai diaplikasikan oleh negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Jadi, melalui kajian ini pengkaji memilih konsep modenisasi yang diperkenalkan oleh Berger (1977) bagi menjawab objektif kajian.

Berger (1977) dalam penulisannya iaitu *Facing Up to Modernity* telah menjelaskan beberapa ciri asas yang dijadikan ukuran dalam melihat masyarakat yang dikatakan moden. Ciri pertama adalah mengenai pengurangan ikatan tradisi yang asas dalam komuniti. Melalui keadaan masyarakat tradisi, kehidupan sosial manusia berada dalam lingkungan kecil, di mana keluarga dan jiran-jiran di sekeliling akan saling membantu untuk memenuhi kebanyakan keperluan dalam kehidupan harian. Walau bagaimanapun, apabila masyarakat bertambah besar dan mengalami revolusi dari masa ke semasa, ikatan kekeluargaan dan kejiranan itu dilihat tidak lagi dijadikan sebagai fokus utama dalam masyarakat.

Ciri kedua dijelaskan oleh beliau pula adalah mengenai pengurangan kepercayaan tradisi. Pengurangan kepercayaan tradisi yang dijelaskan oleh Berger (1977) adalah kebiasaannya masyarakat sebelum moden iaitu masyarakat tradisi amat bergantung sepenuhnya kepada kuasa semulajadi seperti tuhan, semangat atau nasib. Masyarakat tradisi menganggap kuasa semula jadi tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat dikawal dan meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada kuasa tersebut. Namun, berbeza dengan masyarakat moden yang menganggap bahawa kehidupan merupakan pilihan yang ditentukan oleh mereka sendiri. Berger (1977) juga berpandangan bahawa masyarakat

moden akan lebih berusaha untuk mencapai sesuatu perkara dan kurang mempercayai kepada nasib.

Ciri ketiga pula mengenai kemunculan pemikiran saintifik. Masyarakat sebelum perindustrian menjadikan institusi agama sebagai salah satu institusi yang paling berpengaruh dalam menentukan norma-norma dan nilai-nilai tradisi. Sebaliknya dalam masyarakat moden, pengetahuan yang saintifik telah menjadi satu kuasa atau dorongan yang penting dan lebih berpengaruh daripada faktor agama. Sains telah membantu berlakunya revolusi perindustrian dan mewujudkan teknologi-teknologi yang sangat diperlukan oleh masyarakat tempatan.

Manakala ciri terakhir bagi konsep moden ini adalah mengenai penambahan kesedaran terhadap masa. Berger telah berpendapat bahawa masa adalah penting terhadap ahli-ahli dalam masyarakat moden. Hal ini adalah kerana masyarakat moden lebih mengambil berat terhadap masa hadapan jika dibandingkan dengan masyarakat tradisi. Dalam masyarakat sebelum perindustrian, ahli-ahli dalam masyarakat lebih memandang masa lepas sebagai panduan masa sekarang. Keadaan yang berbeza telah berlaku dalam masyarakat moden yang mana ahli-ahlinya akan lebih memandang ke hadapan dengan tujuan membentuk satu kehidupan yang lebih baik. Oleh hal yang demikian, dilihat masyarakat moden lebih banyak menerima perubahan sosial berbanding masyarakat tradisi.

Jika dilihat pada kajian ini, pengkaji hanya memilih satu sahaja daripada ciri yang diketengahkan oleh Berger (1977), iaitu mengenai pengurangan kepercayaan tradisi. Hal ini adalah kerana melalui pemilihan ketiga-tiga filem kajian, pemaparan masyarakat moden melalui filem lebih terfokus kepada ciri pengurangan kepercayaan tradisi. Kajian

Berger (1977) ini dikaitkan dengan proses-proses legitimasi agama melalui dunia sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Rumusan Berger (1977) mengenai agama telah menyentuh persoalan paling kritikal tentang realiti sosial agama yang sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat moden.

Berger (1977) melihat masyarakat moden pada abad ke 21 tidak menjadikan agama sebagai pegangan sebaliknya mementingkan kehendak mereka untuk mendapat kepuasan kehidupan yang maksima. Pada beliau, agama membentuk peribadi positif terhadap individu. Beliau percaya bahawa setiap agama yang wujud di dunia ini menyebarkan fahaman serta pengaruh yang baik terhadap penganutnya. Agama juga pada beliau mempengaruhi setiap tindakan seseorang terhadap sasaran hidup, membuat sebarang keputusan dan juga dengan agama dapat memberi kebahagiaan yang berterusan kepada individu. Namun begitu, tidak semua penganut agama mengikuti setiap ajaran yang telah ditetapkan oleh agama mereka. Ia bergantung kepada tahap kepercayaan dan pegangan agama seseorang. Oleh itu, Berger (1977) berpandangan bahawa masyarakat moden kini bertindak mementingkan keinginan sendiri yang lebih bersifat individualistik dan sanggup menyetepikan agama demi mencapai kepuasan dan sasaran yang diinginkan.

Berger merupakan seorang pakar sosiologi terkemuka Amerika pada abad ke 20. Pemikiran Berger mula diterima dan sering menjadi kajian pengkaji budaya dan sosiologi apabila dua buku iaitu *The Precarious Vision* (1961) dan *The Noise of Solemn Assemblies* (1961) diterbitkan. Buku-buku tersebut mengulas tentang fungsi sosiologi yang berkaitan dengan agama apabila berhadapan dengan perkembangan refleksi teologis dalam kalangan umat Kristian di negara-negara barat.

Berger telah menghasilkan buku-buku yang mencakupi bidang kajian sosiologi, politik, agama dan modenisasi. Buku-buku tersebut adalah seperti *The Precarious Vision*

(1961), *Invitation to Sociology* (1963), *The Enclaves* (1965). Selain itu, Berger turut menulis bersama Luckmann di dalam buku *The Social Construction of Reality* (1966), *The Noise of Solemn Assemblies* (1967), *The Sacred Canopy* (1967) dan *The Rumor of Angels* (1969). Antara penulis-penulis lain yang turut berkerjasama bersama Berger dalam menghasilkan penulisan mereka adalah Brigitte Berger dan Hansfried Kellner.

3.3 Rumusan

Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggalakkan pengkaji berfikir secara kritis dan kritikal dalam mentafsir permasalahan kajian. Hal ini juga disesuaikan dengan solusi yang tepat melalui bahan dan kaedah pengumpulan data yang berkesan.

Oleh yang demikian, bagi bab ini pengkaji telah menjelaskan mengenai kaedah yang akan digunakan iaitu kaedah analisis isi kandungan. Pengkaji akan melakukan penontonan secara berulang pada setiap filem-filem yang telah dipilih. Kemudian, pengkaji turut melakukan kajian kepustakaan di perpustakaan yang telah disenaraikan di atas. Perbincangan dilakukan secara teliti agar objektif dan permasalahan yang terdapat dalam kajian ini terjawab. Pengkaji juga menjadikan konsep modenisasi yang diperkenalkan oleh Peter Berger (1977) sebagai garis panduan supaya kajian ini sentiasa berada pada landasan dan skop yang telah ditetapkan. Kesemua kaedah yang dinyatakan memainkan peranan penting dalam kajian ini sekaligus membantu pengkaji ke arah pelaksanaan dalam mencapai objektif kajian yang telah disasarkan.

BAB 4

Unsur Seksualiti dan Materialisme dalam Karya Bernard Chauly dan Rafidah

Abdullah

4.1 Pendahuluan

Filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012) merupakan filem-filem arahan Bernard Chauly yang banyak mengetengahkan konsep feminisme dalam konteks modenisasi melalui produk globalisasi (Ayu Haswida, 2006). Rafidah Abdullah ketika sesi temu bual menjelaskan bahawa beliau dan Bernard Chauly yang bersama-sama mengembangkan idea dan penceritaan sengaja mengekalkan isu seksualiti dan materialisme dalam ketiga-tiga filem tersebut. Walaupun terdapat pihak yang memberi kritikan hebat terhadap karya mereka, namun Rafidah Abdullah dan Bernard Chauly tetap memutuskan untuk terus mengekalkan isu-isu seperti itu dalam filem-filem berkenaan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat.

Terlalu banyak persoalan yang sering dipersoalkan oleh pengkaji filem dan pengkritik filem berkenaan naratif dan pemaparan isu dalam filem-filem arahan Bernard Chauly. Filem-filem arahan beliau bukanlah hanya sekadar filem hiburan ringan untuk ditonton sematamata. Filem-filem beliau merupakan antara filem yang mempunyai maksud tersirat dan harus digali untuk memahami maksud yang ingin disampaikan. Istilah *underground reservoir* begitu sinonim bagi para pengkaji filem untuk mengkaji filem-filem beliau. Rafidah Abdullah turut menjelaskan bahawa naratif filem-filem ini juga mengetengahkan mengenai isu semasa dan peranan beliau sebagai penulis dan Bernard Chauly sebagai pengarah mengembangkan karya-karya ini merupakan satu cara untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang wujudnya isu-isu sebegitu di dunia realiti.

Oleh yang demikian, melalui objektif pertama ini pengkaji akan menjelaskan mengenai isu-isu yang sering dipaparkan di dalam naratif filem yang dihasilkan oleh Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Isu pertama adalah mengenai seksualiti dan isu yang kedua pula mengenai materialisme. Seterusnya, pada objektif pertama ini juga pengkaji akan membincangkan mengapa Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah sering menyetengahkan isu-isu ini dalam naratif.

4.2 Pemaparan Isu Seksualiti

Rafidah Abdullah menjelaskan kepada pengkaji melalui sesi temu bual yang dijalankan bahawa isu seksualiti diketengahkan bukanlah bertujuan untuk menggalakkan isu ini berkembang dalam masyarakat tetapi isu ini diketengahkan seiring dengan penularannya dalam dunia realiti yang semakin meruncing. Rafidah Abdullah sebagai penulis skrip turut menerima kecaman yang hebat kerana dianggap mempunyai agenda tersendiri dalam menerapkan isu ini dalam naratif. Beliau turut menyatakan bahawa masyarakat perlu didedahkan dengan isu sebegini supaya masyarakat sedar tentang wujudnya isu seksualiti yang semakin meruncing dan penindasan seksualiti terhadap wanita dalam kalangan masyarakat itu sendiri tanpa mereka disedari. Melalui karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah, mereka banyak menyetengahkan mengenai isu seksualiti yang lebih menjurus kepada homoseksualiti.

Rafidah Abdullah turut menjelaskan bahawa kaum Melayu merupakan kaum yang berada pada peratusan tertinggi yang terlibat dengan isu seksualiti berkaitan homoseksual. Hal ini bertentangan dengan sistem nilai masyarakat Melayu yang menjadi adat dan amalan serta amat selari dengan ajaran Islam. Hal ini dijelaskan oleh Berger (1977) berkenaan dengan perubahan yang dialami di peringkat global seperti teknologi dan arus kemodenan secara tidak langsung akan mempengaruhi kepada corak kehidupan

masyarakat. Berger (1977) juga melihat masyarakat moden lebih gemar tidak terikat dengan agama kerana pada mereka agama menyebabkan berlakunya kesukaran untuk menghadapi arus suasana kehidupan moden dan berteknologi. Masyarakat moden juga merasakan bahawa terdapat banyak limitasi yang perlu mereka hadapi untuk memenuhi kepuasan hidup (Berger, 1977).

Mahfudzah Mohamad (2016) melalui penulisannya menjelaskan bahawa seksualiti merangkumi pelbagai definisi. Seksualiti merupakan salah satu daripada dimensi identiti seksual iaitu yang dapat dikaitkan dengan lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Menurut beliau, dari sudut perspektif undang-undang jenayah syariah menjelaskan bahawa lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual. Gay pula ditakrifkan sebagai lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali juga dengan istilah lelaki homoseksual. Manakala biseksual pula ialah seseorang yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita. Transeksual ialah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan seperti memiliki anggota jantina yang berlainan dan terdapat juga di antara mereka yang menukar organ jantina melalui pembedahan.

Dari sudut sejarah, kedudukan bagi golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual telah mula mendapat perhatian dunia perubatan dan kesihatan atas inisiatif Persatuan Psikiatri Amerika (APA) melalui satu manual kesihatan dan penyakit mental yang mereka terbitkan dan manual itu dikenali sebagai *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* atau DSM (Khairul Azhar, 2008). Khairul Azhar (2008) turut menjelaskan melalui artikel yang disiarkan di laman sesawang rasmi Institut Kefahaman

Islam Malaysia (IKIM) bahawa pada peringkat awal penubuhan manual ini iaitu sekitar tahun 1952, isu mengenai lesbian, gay, biseksual dan transeksual pada ketika itu lebih menjurus kepada perbincangan berkaitan homoseksualiti yang telah dikategorikan sebagai sejenis gangguan atau penyakit mental.

Penerimaan isu ini berbeza mengikut pandangan individu. Terkini, Pew Research Centre (2017) telah mengeluarkan statistik mengenai penerimaan isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual di Amerika Syarikat. Berlaku peningkatan penerimaan lesbian, gay, biseksual dan transeksual dari tahun ke tahun. Masyarakat di Amerika Syarikat secara majoritinya (63%) bersetuju untuk menerima gaya hidup homoseksual dalam kehidupan mereka. Mereka menganggap setiap individu layak diberikan kebebasan dalam kehidupan untuk memilih apa sahaja kehendak mereka. Namun begitu, di Malaysia penerimaan golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual ini tidak seperti di Negara barat. Hal ini adalah disebabkan oleh faktor agama Islam menjadi agama rasmi di Malaysia.

Fenomena lesbian, gay, biseksual dan transeksual ini dilihat mula rancak bertapak di Malaysia sekitar tahun 1980 an ketika kemunculan golongan transeksual atau lebih dikenali sebagai pondan dan mak nyah di sekitar bandar-bandar besar. Bagi mengelakkan golongan ini terus berkembang, Persidangan Majlis Raja-Raja kali ke-126 pada 13 Disember 1989 telah memfatwakan perlakuan oleh golongan ini sebagai perlakuan yang haram untuk diamalkan sebagai gaya hidup (Mahfudzah Mohamad, 2016). Perwartaan fatwa ini telah menyekat individu dari golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual daripada membuat sebarang permohonan menukar jantina pada dokumen pengenalan diri.

Namun begitu, gaya hidup golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual di Malaysia dilihat semakin menular dalam masyarakat apabila Jaringan Melayu Malaysia (JMM) yang telah melakukan kajian telah mendapati sebanyak 21 laporan polis telah

dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks luar tabii atau lebih dikenali sebagai seks sejenis (Farhana Joni, 2012). Azwanuddin Hamzah selaku presiden JMM melalui Farhana Joni (2012) menjelaskan bahawa statistik bagi seluruh negara amat membimbangkan dan peratusan dijangka meningkat sekiranya perjuangan golongan ini mendapat tempat di Malaysia. Justeru, perbuatan homoseksual serta transeksual atau perbuatan wanita menyerupai lelaki mahupun perbuatan lelaki menyerupai wanita merupakan sesuatu yang ditolak oleh agama terutamanya bagi masyarakat Melayu Malaysia yang majoritinya beragama Islam.

Perubahan yang berlaku di dalam masyarakat berkaitan isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual ini dapat dikaitkan dengan apa yang dijelaskan oleh Berger (1977) mengenai ciri asas yang menjadi ukuran dalam melihat masyarakat yang dikatakan moden iaitu pengurangan kepercayaan tradisi. Masyarakat moden kini lebih menganggap bahawa kehidupan telah menjadi satu pilihan yang boleh ditentukan oleh mereka sendiri. Berbeza dengan masyarakat sebelumnya iaitu masyarakat tradisi sebelum perindustrian yang biasanya mempercayai bahawa kehidupan manusia ditentukan oleh suatu kuasa seperti tuhan, semangat roh atau nasib. Bagi golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual ini, mereka bertindak membuat keputusan untuk terlibat dalam golongan ini berdasarkan daripada keputusan diri sendiri. Mereka tidak akan meminta persetujuan daripada ahli keluarga kerana merasakan bahawa mereka berhak untuk memilih. Hal inilah yang ditegaskan oleh Berger (1977) bahawa apabila kurangnya pegangan terhadap agama, maka masyarakat beranggapan bahawa kehidupan moden memberi ruang kepada mereka untuk memilih kehidupan yang memberi kepuasan hidup yang sempurna.

4.3 Gaya Hidup Masyarakat Bersifat Materialistik

Isu kedua yang dipaparkan dalam filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012) adalah mengenai pemaparan gaya hidup masyarakat yang bersifat materialistik. Rafidah Abdullah menjelaskan bahawa isu materialisme ini dilihat sebagai sesuatu yang dominan dalam masyarakat. Masyarakat kadangkala tanpa sedar menjadikan material sebagai penanda aras dalam kehidupan. Perkembangan idea bagi naratif ketiga-tiga filem ini adalah seiring dengan realiti yang berlaku pada dunia masa kini. Bagi ketiga-tiga filem yang telah dipilih ini, Bernard Chauhy dan Rafidah Abdullah dilihat bijak dalam mengembangkan naratif berkaitan isu materialisme berdasarkan tahun filem-filem tersebut diterbitkan.

Materialisme merupakan satu gaya hidup yang mudah dilihat dalam kehidupan masyarakat kini. Pengaruh luar terutamanya pengaruh barat sering dikaitkan dengan kesan kepada perubahan sosio-budaya masyarakat Melayu (Ahmad Ismail, 2005). Beliau turut menegaskan bahawa perluasan kapitalisme dan kepesatan proses modenisasi serta urbanisasi telah membudayakan corak kehidupan masyarakat Melayu yang terikut-ikut budaya masyarakat di barat berikutan perkembangan sains dan teknologi. Budaya popular juga mampu melahirkan konsep-konsep hidup dan satu nilai baharu yang memberi fungsi kepada pelbagai aspek kehidupan seperti individualistik, materialistik, hedonistik dan gaya hidup yang mewah. Pada beliau, konsep hidup baharu ini menjadikan nilai ketimuran semakin dipinggirkan dan menganggap cara hidup barat sebagai satu gaya hidup yang harus diikuti.

Situasi yang berkaitan dengan ekonomi dan material dilihat sebagai satu cabaran yang perlu dilalui oleh masyarakat pada era globalisasi kini. Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Abdul Hamid (2009) menjelaskan bahawa cabaran sosiobudaya wujud diakibatkan oleh kebanjiran pengaruh budaya luar. Kini bukan sahaja bidang ekonomi, perdagangan,

teknologi maklumat dan sosiobudaya sahaja yang terkesan melalui proses globalisasi malahan juga bidang kebudayaan, cara hidup dan kepenggunaan turut menerima tempasnya. Masyarakat di Malaysia juga tidak terkecuali menerima implikasi daripada perkembangan sektor ekonomi dan modenisasi ini. Kemodenan telah membawa masyarakat yang tergolong daripada golongan materialis ini secara tidak langsung mengamalkan gaya hidup mewah (Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Abdul Hamid, 2009).

Omar Jah (2001) melalui Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Hamid (2009) menyatakan bahawa masyarakat kini dilihat sebagai masyarakat baharu dengan budaya baharu yang menolak budaya tradisi termasuklah adat resam dan agama ditukar kepada budaya baharu berasaskan kepada kehidupan kebendaan sekular moden. Beliau turut menjelaskan bahawa dalam masyarakat yang baharu, budaya masyarakat tradisional akan diketepikan dan diganti dengan nilai-nilai sekular barat seperti konsumerisme, materialisme dan individualisme. Bahaya nilai baharu ini menyebabkan wujudnya satu pandangan hidup yang menketepikan peranan agama dan realiti metafizik dalam pembinaan budaya sekaligus mencipta manusia yang tidak mengenal tuhaninya sebaliknya mempunyai matlamat utama dalam penghasilan dan penggunaan material yang melampau seperti yang dijelaskan oleh Berger (1977) melalui konsep modenisasi.

Rafidah juga melihat isu materialisme di Malaysia kini bukan hanya terfokus terhadap satu golongan sahaja. Kini, setiap golongan bermula daripada golongan kanak-kanak hingga dewasa sering menjadikan pemilikan material sebagai sesuatu yang utama. Contohnya, para pelajar yang masih bersekolah majoritinya memiliki telefon pintar berjenama bagi tujuan kepuasan diri. Menurut beliau lagi, dengan adanya telefon pintar tersebut, individu akan mudah memuat naik foto dari telefon pintar ke akaun media sosial bagi tujuan mendapatkan *like* dan komen. Untuk mendapatkan *like* dan komen yang tinggi,

golongan materialis ini akan memastikan mereka kelihatan mewah dengan cara mempamerkan barangan peribadi berjenama. Hal ini dapat memberi kepuasan kepada golongan materialis yang sentiasa inginkan pujian dengan pemilikan material yang dimiliki.

Rafidah Abdullah juga menjelaskan bahawa, masyarakat moden di Malaysia kini seharusnya peka dengan kemodenan di Malaysia bersesuaian dengan faktor ekonomi individu. Beliau menjelaskan, terdapat banyak filem mahupun drama yang dipaparkan di kaca televisyen mahupun di layar lebar pawagam berkenaan isu materialisme adalah sesuatu sindiran kepada masyarakat. Beliau berpandangan bahawa masyarakat haruslah melihat pemaparan hidup materialistik yang dipaparkan sebagai satu cerminan serta pantulan yang perlu dipertimbangkan semula untuk difikirkan secara kritis. Secara peribadinya, Rafidah Abdullah tidak bersetuju jika penonton mengamalkan konsep imitasi terhadap apa yang ditonton oleh mereka. Hal ini adalah kerana setiap penghasilan filem mahupun karya seni yang dipaparkan bukanlah sebagai hiburan semata-mata sebaliknya akan disulamkan dengan mesej yang positif. Masyarakatlah yang selayaknya memilih untuk melihat dari sudut pandangan positif mahupun negatif.

Rafidah Abdullah turut melihat isu materialisme ini sebagai isu yang sinonim dengan kehidupan moden pada masa kini. Beliau menjelaskan, filem-filem hasil karyanya bersama Bernard Chauy akan sentiasa mengetengahkan elemen moden dalam naratif. Watak materialis yang terdapat dalam filem-filem karya mereka mewakili masyarakat di Malaysia yang melihat kehidupan moden sebagai satu kehidupan pemilikan kebendaan. Beliau turut mengakui bahawa apabila individu terlalu mengejar kebendaan dan kemewahan, akan berlaku penurunan dari sudut penguasaan agama. Contohnya seperti watak Putri yang dilakonan oleh Fazura dalam filem *Pisau Cukur* (2009). Dalam filem ini, Rafidah Abdullah menerangkan bahawa perwatakan Putri dilihat sebagai seorang wanita pisau cukur yang

mementingkan kemewahan. Untuk memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang moden dan sentiasa dipandang oleh lelaki, Putri sentiasa memperagakan pakaian seksi bagi tujuan memikat lelaki di sekelilingnya.

Hal ini seiring dengan apa yang dijelaskan oleh Berger (1977) iaitu mengenai tahap pengetahuan agama seseorang mempengaruhi kepada tindakan individu itu. Berger (1977) menyatakan bahawa golongan moden yang menyetepikan agama sebagai panduan utama kehidupan menjadikan golongan ini bertindak mengikut hawa nafsu mereka. Berger (1977) juga melihat tindakan golongan ini akan lebih memberi implikasi negatif bukan sahaja kepada mereka tetapi juga kepada orang di sekeliling kerana beliau berpendapat apa sahaja yang ditetapkan oleh agama merupakan sesuatu yang baik. Kepuasan dan kegembiraan yang diperolehi oleh golongan yang menyetepikan agama dalam era modenisasi ini menurut beliau hanyalah bersifat sementara dan tidak kekal. Namun, inilah yang dipertahankan oleh golongan materialis iaitu sanggup menerima sebarang risiko demi memenuhi segala kehendak walaupun bertentangan dengan nilai agama (Berger, 1977).

4.4 Faktor Menerapkan Isu Seksualiti dan Materialisme dalam Karya

Pengkaji memilih ketiga-tiga filem ini adalah kerana filem-filem tersebut merupakan tiga buah filem di antara lima buah filem yang telah diarahkan oleh Bernard Chauhy. Pengkaji tidak memasukkan dua lagi filem yang telah diarahkan oleh beliau iaitu *Goodbye Boys* (2006) dan *Manisnya Cinta di Cappadocia* (2014) kerana *Goodbye Boys* (2006) tidak ditayangkan di pawagam. Pengkaji hanya memilih filem-filem arahan beliau yang ditayangkan di pawagam sahaja untuk dijadikan sampel kajian. Manakala, filem *Manisnya Cinta di Cappadocia* (2014) pula merupakan filem adaptasi dari novel dan bukanlah karya Bernard Chauhy sepenuhnya bersama Rafidah Abdullah. Selain itu, pengkaji tertarik memilih filem-filem tersebut kerana ketiga-tiga karya itu merupakan hasil kerjasama dalam

mengembangkan idea dan konsep bersama Rafidah Abdullah yang mendapat lulusan sarjana dalam penulisan skrip.

Seperti yang diketahui, pengarah dan penulis skrip merupakan antara individu yang berperanan menentukan perkembangan naratif yang akan dipaparkan di kaca televisyen mahupun di layar lebar. Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah dianggap mempunyai satu ikatan yang kuat dalam perkongsian buah fikiran bagi mengembangkan naratif di dalam filem-filem yang dipilih ini. Mereka juga mengekalkan identiti sebagai pengarah dan penulis skrip terhadap penceritaan yang lebih berkonsepkan moden (Mursyid Eunus, 2011).

Rafidah Abdullah telah menerangkan kepada pengkaji bahawa antara faktor yang menyebabkan beliau dan Bernard Chauly menerapkan isu yang sama dalam filem-filem itu kerana mereka melihat isu ini sentiasa segar dalam masyarakat Melayu. Rafidah juga menjelaskan bahawa isu seksualiti dan materislisme tidak pernah luput dan sering menjadi isu yang serius dalam kalangan masyarakat. Beliau menjelaskan sering melakukan kajian sebelum sesebuah karya mahupun skrip itu ditulis. Beliau turut meminta pandangan daripada mereka yang berpengalaman dalam industri perfileman bagi mengembangkan idea. Pengalaman Rafidah Abdullah sebagai seorang pelajar lulusan sarjana penulisan skrip amat membantu beliau dalam mencorakkan naratif dalam sesebuah karya.

Menurut pandangan beliau, sebagai seorang pengkarya dalam industri perfileman, seseorang penulis skrip mahupun pengarah tidak perlu khuatir mengenai isu yang akan mereka ketengahkan. Hal ini adalah kerana setiap isu yang lahir dalam sesebuah karya merupakan pantulan daripada kehidupan realiti masyarakat. Beliau melihat masyarakat sering mengecam pengkarya filem kerana menghasilkan filem yang dikatakan memberi implikasi negatif kepada penonton. Namun, Rafidah Abdullah menegaskan bahawa sebagai penonton mereka haruslah menonton dengan pemikiran yang terbuka. Penonton haruslah

melihat setiap babak mahupun naratif dalam sesebuah filem itu sebagai suatu mesej yang positif. Penonton juga perlu tahu membezakan bahawa penyampaian mesej sesebuah filem hanya sekadar hiburan mahupun terdapat mesej tersirat yang ingin disampaikan.

Rafidah Abdullah turut menggambarkan kerisauannya terhadap isu seksualiti yang kini semakin menular dalam kalangan pelajar sekolah. Oleh hal yang demikian, Rafidah dan Bernard Chauly mengambil pendekatan sindiran dalam mengetengahkan isu seksualiti terutamanya mengenai isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual dalam filem. Beliau turut menyatakan bahawa sering dikecam oleh masyarakat kerana pemaparan isu tersebut. Ditambah pula dengan gaya serta penampilannya seperti lelaki menguatkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap penyebarannya mengenai isu ini. Rafidah Abdullah juga digosipkan dengan cerita panas dan mengejutkan industri perfileman Malaysia kerana dikatakan telah berkahwin dengan seorang wanita di Australia. Walau bagaimanapun, Rafidah Abdullah menyangkal dan menjelaskan bahawa kisah tersebut tidak benar. Setiap apa yang dipaparkan dalam karya beliau mengenai isu seksualiti hanyalah bertujuan untuk kesedaran masyarakat.

Begitu juga dengan isu materialisme yang mana Rafidah Abdullah melihat masyarakat kini amat tertarik dengan kemewahan yang bukan satu keperluan. Jelasnya, apa yang lebih membimbangkan apabila pelajar sekolah sanggup melakukan jenayah seperti merompak dan mencuri semata-mata untuk kelihatan mewah. Bagi golongan bekerja pula mereka lebih sanggup untuk berhutang semata-mata untuk kelihatan bergaya. Pemaparan mengenai isu materialisme adalah sebagai satu teguran sinis kepada masyarakat mengenai keterlaluan dalam berbelanja kepada sesuatu yang tidak wajar. Beliau turut menyatakan bahawa dengan isu materialisme ini, penonton seharusnya sedar bahawa isu yang sedang dipaparkan dalam karya tersebut seharusnya memberi pengajaran kepada mereka.

Selain itu, faktor Rafidah Abdullah dan Bernard Chauly menyetengahkan isu yang sama dalam karya mereka adalah kerana pengalaman mereka mendalami ilmu mengenai perfileman dari seluruh dunia. Rafidah Abdullah menjelaskan, pengalaman beliau sebagai bekas penuntut di Goldsmith College, London telah memberi peluang kepadanya untuk mendalami dan memahami kehidupan dan budaya masyarakat luar. Sosiobudaya sesebuah masyarakat itu amat penting untuk difahami bagi seorang pengkarya kerana dengan pengalaman serta pengetahuan itulah dapat mengembangkan idea dalam sesebuah karya. Beliau turut aktif dalam menghadiri seminar perfileman di seluruh dunia bagi menghasilkan kualiti perfileman yang baik di Malaysia. Pada beliau, amat penting bagi seseorang pengkarya mempunyai gaya khusus atau mempunyai *trademark* tersendiri dalam berkarya. Contohnya, beliau dan Bernard Chauly sering menjadikan isu seksualiti dan materialisme sebagai gaya khusus dalam penghasilan karya. Bagi pengarah lain, faktor sinematografi mahupun pelakon yang menjadi gaya khusus dan akan sering diaplikasikan dalam karya mereka. Oleh hal yang demikian, pengkarya berhak untuk menentukan strategi bagi menarik minat penonton mendekati serta meminati hasil karya mereka.

4.5 Rumusan

Pemaparan mengenai isu seksualiti dan isu materialisme ini bersesuaian dengan konsep yang diketengahkan oleh Berger (1977), iaitu konsep modenisasi. Konsep modenisasi merupakan satu istilah yang merujuk kepada kemajuan atau proses perubahan. Proses perubahan inilah yang dapat dilihat dalam karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Pengkarya melihat isu-isu ini sebagai satu penggerak bagi sesebuah karya yang bersifat moden. Namun, terdapat pelbagai reaksi penonton dalam menerima karya mereka. Dalam bab ini juga turut dijelaskan mengapakah Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah sering menyetengahkan isu-isu yang sama dalam setiap karya.

Penjelasan oleh Rafidah Abdullah mengenai sebab mengekalkan isu yang sama dalam karya bersama Bernard Chauly telah menjawab objektif dan persoalan pertama kajian ini. Faktor mengapa mereka mengekalkan isu-isu tersebut adalah pertama kerana melihat isu seksualiti dan materialisme sebagai isu-isu yang sentiasa segar dalam kehidupan realiti masyarakat. Kedua adalah kerana faktor strategi pengkarya dalam menarik minat penonton dengan menjadikan isu-isu tersebut sebagai gaya khusus atau *trademark* dalam karya. Bagi menjawab persoalan dan objektif yang kedua, pengkaji hanya memfokuskan kepada satu ciri daripada empat ciri yang diketengahkan oleh Berger (1977) iaitu pengurangan kepercayaan tradisi. Pengkaji akan membincangkan dan menganalisis mengenai ciri pengurangan kepercayaan tradisi ini dengan lebih mendalam dalam Bab Lima.

BAB 5

Unsur Seksualiti dan Materialisme yang terdapat dalam Naratif Filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012)

5.1 Pengenalan

Filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012) merupakan filem-filem arahan Bernard Chauly yang banyak menyetengahkan konteks modenisasi melalui produk globalisasi (Ayu Haswida, 2006). Di Bab Empat, pengkaji telah mengenalpasti isu seksualiti dan materialisme yang terdapat dalam karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Penjelasan telah dilakukan oleh Rafidah Abdullah melalui sesi temu bual pada Bab Empat berkenaan pemaparan dua isu tersebut dalam karya mereka. Rafidah Abdullah sebagai penulis bagi filem-filem ini ketika sesi temu bual bersama pengkaji menjelaskan bahawa beliau dan Bernard Chauly mempunyai satu ikatan yang baik dalam mengembangkan idea bagi sesebuah karya. Keputusan untuk mengekalkan isu-isu tersebut juga adalah di atas persetujuan bersama. Kritikan yang diterima daripada masyarakat tidak menjadi penghalang kepada pengarah dan penulis skrip ini untuk terus berkarya dengan cara mereka sendiri.

Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah sering dihujani dengan persoalan mengenai pemaparan isu seksualiti yang lebih menjurus kepada isu homoseksual dalam karya mereka. Setiap kritikan dan cadangan dilihat sebagai satu momentum kepada penghasilan karya yang lebih baik pada masa hadapan. Rafidah Abdullah menjelaskan bahawa setiap penghasilan karyanya bersama Bernard Chauly mempunyai mesej tersirat dan bukanlah hanya sekadar tujuan hiburan ringan semata-mata. Kedua-dua pengkarya ini sentiasa ingin menghasilkan

karya bermutu seiring dengan peredaran zaman masa kini bagi memberikan implikasi yang positif kepada penonton.

Oleh yang demikian, melalui objektif kedua ini pengkaji akan menganalisis mengenai isu seksualiti dan isu materialisme yang sering dipaparkan dalam naratif filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012). Pengkaji akan turut menjelaskan naratif bagi filem-filem yang telah dipilih supaya analisis dan perbincangan mengenai filem-filem dan isu-su dapat dibincangkan dengan lebih terperinci. Pengkaji akan menjadikan konsep modenisasi Peter Berger (1977) iaitu pengurangan kepercayaan tradisi sebagai landasan bagi kajian ini selain daripada penambahan daripada kajian lepas yang berkaitan.

5.2 Naratif filem *Gol dan Gincu* (2005)

Filem ini merupakan filem cereka pertama arahan Bernard Chauly melalui terbitan Red Communications Sdn Bhd. Filem ini mula ditayangkan di pawagam pada 11 Ogos 2005 dan mendapat kutipan sebanyak RM600,000 sepanjang tayangan (FINAS, 2018). Filem ini merupakan sebuah filem yang menentang mengenai konsep feminisme. Watak-watak yang terdiri dari golongan wanita di dalam filem ini dilihat berdikari untuk meneruskan kehidupan yang semakin mencabar dan membuktikan bahawa mereka mampu bangkit tanpa golongan lelaki. Hal ini sinonim dengan pembabitan Marina Mahathir sebagai Penerbit Eksekutif di dalam filem ini yang mana beliau amat menitikberatkan mengenai hak dan kebebasan wanita.

Secara keseluruhannya, filem ini mengisahkan mengenai perjalanan hidup watak utama iaitu Putri yang dilakonkan oleh Fazura. Pada awalnya, Putri dilihat terlalu bergantung kepada teman lelakinya iaitu Eddy. Setelah enam tahun perhubungan antara Putri dan Eddy

terjalin, Eddy mula berasa rimas, bosan dan terkongkong dengan tindak-tanduk Putri yang sering mengikutinya. Eddy mengambil keputusan untuk memutuskan hubungannya dengan Putri dan Putri pula berazam akan kembali memikat kembali hati Eddy dengan menceburkan diri dalam sukan futsal.

Setelah berpisah, Putri mula melibatkan dirinya dengan sukan futsal kerana Eddy amat meminati sukan tersebut. Putri beranggapan dengan tindakannya itu dapat menarik perhatian Eddy kembali. Beliau telah menubuhkan kelab futsal dan dilatih oleh Zie yang merupakan salah seorang pemain futsal dari pasukan futsal terkenal iaitu Ballbuster. Penubuhan pasukan futsal oleh Putri tersebut telah menemukan Putri dengan rakan-rakan baharu yang mana masing-masing memiliki masalah peribadi tersendiri sehinggakan kumpulan futsal tersebut hampir dibubarkan.

Pemaparan watak Jiji yang dipegang oleh Sharifah Amani dalam filem ini juga telah mengembangkan naratif dengan mengetengahkan isu mengenai penindasan golongan lelaki terhadap wanita. Jiji merupakan jiran Putri dan juga merupakan salah seorang daripada ahli pasukan futsal tersebut. Keadaan bertambah rumit apabila Jiji disahkan gugur selepas perlawanan futsal dan bapanya dituduh telah melakukan sumbang mahram terhadapnya.

Semangat yang diberikan oleh rakan pasukan futsal telah menjadikan Jiji gadis yang lebih kuat dari sebelumnya.

Reza yang merupakan petugas di Kelab Futsal Sunway dalam diam telah menaruh perasaan terhadap Putri. Reza kagum dengan kecekalan dan kesungguhan Putri bangkit dari masa silamnya bersama Eddy. Reza sering memberi kata-kata semangat kepada Putri supaya terus melangkah tanpa meletakkan Eddy sebagai sasarannya. Putri terus melangkah jauh dengan mengambil keputusan berani untuk memasuki pertandingan futsal yang ditaja oleh

syarikat gergasi Hotlink. Bagi menjadi pasukan yang terbaik, Putri mendapati ia bukanlah mudah seperti yang disangka terutamanya dalam menghadapi prasangka masyarakat terhadap wanita dan sukan. Dalam cabaran dan kekusutan ini, Putri menjumpai kekuatan juara di dalam dirinya. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh pasukannya telah meletakkan mereka sebagai juara tiga kali berturut-turut.

5.3 Naratif filem *Pisau Cukur* (2009)

Filem *Pisau Cukur* (2009) merupakan filem kedua arahan Bernard Chauly selepas filem *Gol dan Gincu* (2005). Filem bergenre komedi romantik ini mula ditayangkan di 43 pawagam seluruh Malaysia pada 5 September 2009 dan telah mencatat kutipan sebanyak RM2.32 juta (FINAS, 2018). Filem ini dibintangi oleh dua orang pelakon wanita tersohor iaitu Fazura dan Maya Karin. Penulis skrip bagi filem ini, iaitu Rafidah Abdullah menjelaskan bahawa beliau mendapat ilham untuk menulis mengenai filem ini setelah melihat keadaan dan suasana sekeliling yang rata-ratanya golongan wanita dilihat lebih materialistik berbanding golongan lelaki.

Melalui filem ini, Bernard Chauly sebagai pengarah dan Rafidah Abdullah sebagai penulis skrip sekali lagi mengetengahkan mengenai isu feminisme. Apa yang lebih memberi impak terhadap filem ini adalah dengan pemaparan mengenai isu seksualiti. Masyarakat rata-ratanya kurang setuju dengan pemaparan isu tersebut yang dianggap akan memberi kesan negatif kepada penonton. Namun, seperti apa yang telah dijelaskan oleh Rafidah Abdullah, pemaparan isu sensitif di dalam filem *Pisau Cukur* (2009) adalah sebagai cerminan kepada masyarakat mengenai apa yang sedang berlaku di dunia realiti.

Filem *Pisau Cukur* (2009) ini mengisahkan tentang dua orang gadis iaitu Intan dan Bella yang bersifat materialistik. Perwatakan mereka ini jelas dilihat melalui penglibatan

Bella dalam rancangan realiti televisyen iaitu *Siapa Nak Kahwin Jutaan?*. Melalui program ini, wanita terakhir yang dipilih oleh jutawan akan dinobatkan sebagai pemenang dan menjadi isteri jutawan tersebut tetapi malangnya Bella tidak menjadi pilihan jutawan itu.

Intan yang merupakan sahabat baik Bella mengajak Bella bercuti dan berlayar di kapal mewah Puteri Duyung kerana tidak mahu Bella terkesan dengan program realiti berkenaan. Mereka juga berharap agar dapat mendampingi lelaki-lelaki kaya semasa percutian mereka itu. Intan pula merupakan teman wanita kepada Datuk Salleh dan mereka merancang untuk berkahwin pada masa terdekat. Datuk Salleh yang juga sepatutnya mengikuti percutian di atas kapal mewah tersebut terpaksa membatalkannya kerana komitmen bersama isteri pertama.

Ketika pelayaran, mereka telah bertemu dengan Datuk Zakaria yang juga belayar bersama tiga isterinya dan dua anaknya iaitu Suri dan Johan. Isteri kedua Datuk Zakaria dalam diam mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain. Begitu juga dengan anak lelakinya iaitu Johan yang mempunyai hubungan sulit dengan seorang lelaki yang turut berada di atas kapal mewah tersebut. Datuk Zakaria kelihatan amat mesra melayan Intan dan Bella sehingga membuatkan ketiga-tiga isterinya cemburu. Setelah beberapa hari di atas kapal mewah itu, Datuk Zakaria didapati telah dibunuh. Pembunuhan Datuk Zakaria dianggap misteri dan Ari selaku seorang penyiasat persendirian ditugaskan untuk mencari pembunuh Datuk Zakaria yang masih berada di atas kapal itu. Intan cuba membuktikan bahawa kecantikan dirinya datang bersama minda yang bijak dan dia telah membantu Ari menyasat misteri pembunuhan Datuk Zakaria tersebut.

Ari pernah bertembung dengan Intan apabila beliau diupah oleh seorang datin yang curiga tentang hubungan Intan dengan suaminya. Ari tidak mempunyai pandangan yang tinggi terhadap Intan yang dirasakan sering menjadikan cinta sebagai umpan untuk

mengecapi kehidupan yang mewah. Namun begitu, sedikit demi sedikit Intan berjaya juga mengubah persepsi Ari dan dalam diam Ari menyimpan perasaan terhadap Intan.

Bella pula cuba mendampingi seorang duda, Datuk Hisham dengan mempergunakan seorang jejaka kacak iaitu Faqir untuk mencapai impian itu. Bella datang dari keluarga susah dan telah dijaga oleh neneknya selepas kematian ibu bapanya pada usia yang muda. Nenek Bella selalu memberitahunya bahawa arwah ibu Bella telah mensia-siakan hidup dengan mengahwini seorang pelaut miskin yang akhirnya pergi tanpa meninggalkan sebarang harta. Oleh hal yang demikian, sejak kecil lagi Bella mengidamkan suami yang kaya sebagai salah satu jalan untuk keluar dari kemiskinan. Bella tidak ingin anak-anaknya kelak menjalani kehidupan yang susah seperti dirinya sendiri. Namun, Bella mendapati bahawa hubungan baharu bersama Datuk Hisham ini bukan semudah yang disangka. Pada hari terakhir pelayaran tersebut, Bella dilihat telah menerima Faqir sepenuh hatinya atas ketulusan yang telah ditunjukkan oleh Faqir. Misteri pembunuhan Datuk Zakaria juga telah terungkai setelah Intan dan Ari bersama-sama menyelesaikan kes tersebut. Isteri pertama Datuk Zakaria telah dituduh sebagai pembunuh dengan motif cemburu.

5.4 Naratif filem *Istanbul Aku Datang* (2012)

Dian membuat keputusan untuk ke Istanbul untuk menemui kekasih, Azad. Misinya adalah supaya Azad melamarnya apabila beliau berada di sana. Sebaik tiba di Istanbul, beliau cuba menghubungi Azad tetapi Azad gagal dihubungi. Oleh itu, Dian terpaksa berusaha mencari sendiri alamat kediaman Azad. Sewaktu mendaki anak tangga, Dian hampir terjatuh.

Nasibnya baik kerana ada seorang pemuda Turki yang membantunya. Pemuda itu membawa Dian ke kediaman Azad. Azad membawa Dian masuk ke biliknya dan memaklumkan bahawa beliau mempunyai kekangan masa dan meminta Dian memahaminya. Dian faham akan situasi Azad dan berjanji tidak akan terlalu bergantung dan menyusahkan Azad.

Dian menguruskan segala keperluan Azad di rumah tersebut dengan membasuh pakaian, mengemas bilik dan memasak untuk Azad dan rakan-rakan serumahnya. Namun, Dian kecewa apabila Azad memintanya berpindah dari rumahnya itu. Alasan yang diberikan oleh Azad ialah tidak manis seorang gadis tinggal serumah dengan tiga orang lelaki. Mahu atau tidak, Dian terpaksa menurut kehendak Azad. Setelah selesai urusan pendaftaran kursus yang diambalnya, Dian mula mencari bilik sewa. Namun, kebanyakan bilik sewa tidak menepati citarasanya. Sehingga suatu hari, beliau terjumpa kembali dengan lelaki Turki yang menolongnya ketika hari pertama tiba di Turki dahulu. Dian memberitahu niatnya untuk mencari rumah sewa. Lelaki itu berjanji mahu mencarikannya rumah sewa seperti yang diinginkannya.

Lelaki itu membawa Dian ke sebuah rumah pangsa dan memberitahu bahawa rumah tersebut milik bapanya. Setelah melihat keadaan rumah tersebut, ternyata Dian tertarik dan bersetuju untuk menyewa rumah itu. Dian membayar deposit tiga bulan kepada lelaki Turki itu dan gembira kerana berjaya membuktikan kepada Azad bahawa beliau dapat berdikari tanpa bantuan Azad. Ketika di rumah tersebut, sewaktu Dian mandi tiba-tiba beliau terdengar suara seorang lelaki iaitu Harris di dalam bilik air itu. Dian terperanjat dan ternyata Harris juga mempunyai reaksi yang sama. Terjadi pertengkaran di antara keduanya. Harris yang juga berasal dari Malaysia telah membawanya bertemu dengan pemilik rumah pangsa itu. Malang nasibnya apabila pemilik rumah pangsa yang disewanya itu telah pergi ke Mesir. Harris menyuruh Dian keluar dari rumah pangsa yang disewanya tetapi Dian menolak kerana beliau sudah kehabisan duit untuk berpindah ke tempat lain.

Pelbagai alasan yang diberikan Dian supaya Azad tidak datang ke rumah pangasanya tersebut. Beliau tidak mahu Azad mengetahui bahawa rakan serumahnya merupakan seorang lelaki. Terjadi salah faham apabila Dian menganggap Harris adalah lelaki *gay*. Hal ini adalah

kerana Dian ternampak seorang lelaki Turki keluar dari bilik Harris dan Harris memakaikannya mafla di leher lelaki itu.

Namun, tidak selamanya rahsia itu dapat disimpan dari pengetahuan Azad. Azad memberitahu Dian bahawa beliau sedang dalam perjalanan ke rumah sewa Dian. Dian tidak keruan dan telah menelefon Harris dengan menyamar sebagai wanita tempatan dan menyuruh Harris pergi ke suatu tempat supaya dengan cara itu Azad tidak akan bertembung dengan Harris di rumah sewa tersebut. Dian sampai ke rumah sewanya dan beliau menyembunyikan semua pakaian dan barangan keperluan Harris. Tiba-tiba Dian terkejut apabila melihat seorang lelaki Turki keluar dari bilik Harris tanpa memakai baju. Kebetulan pada ketika itu Azad sudah berada di hadapan pintu rumah sewa Dian. Lelaki itu membuka pintu dan Azad terlihat Dian sedang berdiri tergamam di situ. Azad menghemburkan katakata amarahnya kepada Dian. Beliau telah menuduh Dian menyimpan lelaki lain dan tidak mahu mendengar sebarang penjelasan daripada Dian.

Harris muncul di muka pintu rumah sewanya dan Azad memandang Harris dengan terkejut apabila Dian memberitahu bahawa Harris merupakan rakan serumahnya. Azad mulai berang dan meninggalkan Dian yang cuba untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya. Ketika Dian mengejar Azad, beliau bertembung dengan lelaki yang menipunya tempoh hari. Lelaki itu bersama dengan seorang lelaki tua. Lelaki tua itu mengajak Dian naik ke rumah sewanya semula. Dian terpaksa melupakan hasratnya untuk mengejar Azad. Lelaki tua itu sebenarnya adalah Tuan Suleyman iaitu pemilik rumah pangasanya itu. Tuan Suleyman menerangkan siapa lelaki yang menipu Dian itu dan Tuan Suleyman telah membayar ganti rugi kepada Dian. Tuan Suleyman juga mahu Dian keluar dari rumah sewa tersebut. Dian terpaksa bersetuju dan mengemas segala barangannya.

Harris mula rasa simpati kepada Dian dan beliau menawarkan dirinya untuk menerangkan perkara sebenar kepada Azad. Beliau yakin bahawa Azad dapat bertoleransi setelah mengetahui perkara yang sebenarnya. Setelah tiba di rumah Azad, sangkaan Harris ternyata meleset setelah Azad bertidak di luar kawalan. Akibat daripada salah faham, berlaku pergaduhan di antara Azad dan Harris. Dian cuba meleraikan tetapi tidak berjaya. Tiba-tiba muncul seorang wanita Turki dan membantu Azad. Terjadi pergelutan di antara Dian dengan wanita tersebut. Azad meminta agar wanita Turki yang dipanggil Merlis itu pulang dahulu tetapi ditolak oleh Merlis. Beliau inginkan kepastian mengapa mereka memukul teman lelakinya itu. Dian terpaksa apabila mendengar kata-kata Merlis itu dan terus berlalu dari situ. Harris mengekori Dian dan membawa Dian ke rumah sewa mereka.

Dian bagai hilang semangat dan tidak berdaya apabila mengetahui yang dirinya ditipu oleh Azad selama ini. Dian memberitahu Harris bahawa beliau mahu pulang ke Malaysia dan telah menempah tiket untuk pulang keesokan harinya. Harris mengajaknya keluar untuk melihat keindahan Istanbul sebelum pulang ke Malaysia. Harris membawanya ke tepi sungai dan mereka telah bertemu dengan Omar yang merupakan model yang disangka kawan *gay* kepada Harris. Sebenarnya Omar merupakan seorang model komik milik Harris. Dian rasa bersalah kerana salah sangka terhadap Harris dan Omar tempoh hari.

Sewaktu pulang ke rumah sewa mereka, Azad telah menunggu Dian di situ. Beliau mengajak Dian ke suatu tempat untuk berbincang mengenai hubungan mereka. Harris keberatan untuk membenarkan tetapi terpaksa beralah apabila Dian memintanya berbuat demikian. Azad merayu supaya Dian menerimanya kembali dan telah menjelaskan bahawa di antara beliau dan Merlis sudah tidak mempunyai apa-apa hubungan. Beliau tidak pernah mencintai Merlis sebagaimana cintanya pada Dian. Apabila Dian memberitahu bahawa beliau akan pulang ke Malaysia, Azad mahu mengikutinya dan akan menyambung

pelajarannya di Malaysia. Beliau juga menyatakan hasratnya mahu mengahwini Dian apabila mereka kembali ke Malaysia. Dian terkedu apabila Azad memberinya sebetuk cincin. Selama ini, itulah yang diharapkannya tetapi setelah dikecewakan oleh Azad, perasaan Dian berbelah bahagi. Namun begitu, mengenangkan hubungan mereka sudah lama terjalin, Dian menerima Azad kembali dan memberikannya peluang kedua.

Harris menunggu kepulangan Dian di rumah sewa. Dian memberitahu Harris bahawa Azad telah melamarnya dan mereka akan berkahwin setelah pulang ke Malaysia. Harris terkejut dan mempersoalkan tindakan Dian itu. Dian mempertahankan dirinya dengan menyatakan bahawa mereka telah terlalu lama menjalinkan perhubungan. Sukar untuk melupakan jalinan rasa antara mereka. Harris mengalah dan mengucapkan tahniah kepada Dian kerana kembali semula mendapatkan cintanya. Keesokan harinya, Azad sampai ke rumah sewa Dian dan melihat Dian sudah bersedia mengikutnya. Harris keluar dari biliknya apabila Dian sudah berada di bawah dan bersedia untuk meninggalkan Istanbul. Harris bergegas ke bawah dan meminta agar Dian memberi peluang kepadanya. Dian memandang Harris dan Azad mulai bimbang sekiranya Dian berpaling kepada Harris. Azad mengingatkan Dian bahawa Dian sudah berjanji akan memberikan peluang kedua kepadanya.

Dua tahun sudah berlalu. Kini Dian kembali lagi ke Istanbul. Kali ini beliau mahu mengambil gambar perkahwinannya di sebuah bangunan yang dikenali sebagai Aya Sophia. Dian berpakaian pengantin dan menunggu pasangannya tiba di situ dan pasangannya itu adalah Haris. Ternyata kedatangannya ke Istanbul bukan untuk merapatkan hubungannya dengan Azad tetapi untuk bertemu dengan Harris.

5.5 Isu Seksualiti dalam filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2008) dan *Istanbul Aku Datang* (2012)

Bagi filem *Gol dan Gincu* (2005), Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah menekankan naratif yang bercorak moden seperti penglibatan golongan wanita dalam sukan futsal. Mereka juga dilihat berani mengetengahkan beberapa watak pengkid sebagai penggerak naratif dalam filem ini. Golongan wanita yang melibatkan diri di dalam sukan lasak seperti futsal tidak menjadi satu kesalahan selagi wanita itu menjaga status dan maruahnya sebagai seorang wanita. Apa yang dijelaskan oleh Fatimah Abdullah (2016) mengenai golongan wanita yang mempunyai ciri-ciri kelakian sememangnya perlu dibimbangkan kerana golongan wanita seperti ini gusar akan terus bersikap sedemikian dan apa yang lebih dikhuatiri ialah jumlah golongan wanita seperti ini akan semakin meningkat jika ianya tidak dibendung. Golongan wanita yang berperwatakan kasar seperti watak J dan Zie di dalam filem *Gol dan Gincu* (2005) ini dikategorikan sebagai *pengkid* (Fatimah Abdullah, 2016).

Di barat, istilah pengkid dikenali sebagai *butch* dan golongan ini muncul di barat ketika awal abad ke 20 iaitu pada sekitar tahun 1910 dan 1920 di Amerika Syarikat (Cheris, 2000). Pada pertengahan abad ke 20 iaitu ketika sekitar tahun 1940-an, kebanyakan golongan minoriti ini akan berpakaian wanita ketika bekerja dan berpakaian lelaki pada hujung minggu ketika menghadiri parti khas untuk golongan pengkid ini (Elizabeth, L. & Madeline D., 1994). Elizabeth, L. & Madeline D. (1994) juga menjelaskan ketika tahun 1950-an, golongan ini semakin meningkat dan mereka menuntut untuk berpakaian seperti lelaki walaupun ketika bekerja.

Nora Hendon (2011) dalam kajiannya menjelaskan bahawa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-83 yang bersidang pada 22 - 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Wanita Menyerupai

Lelaki atau lebih dikenali sebagai pengkid. Muzakarah tersebut telah memutuskan bahawa pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama. Selain itu, Nora Hendon (2011) turut mendapati daripada hasil kajian beliau bahawa pembentukan ciri-ciri kelakian pada wanita pengkid Melayu terbentuk sepanjang pembesaran mereka secara berperingkat dari zaman kanakkanak, remaja sehinggalah pada peringkat pra-dewasa. Beliau juga turut menegaskan bahawa fasa awal dalam perkembangan dan tumbesaran kanak-kanak memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti seksual atau jantina individu dan ibu bapa merupakan ejen yang paling utama dalam memupuk pembentukan identiti seksual atau jantina yang sihat di kalangan anak-anak mereka

Fenomena ini dianggap sebagai mencabar kedudukan Malaysia sebagai negara Islam kerana isu pengkid ini bertentangan dengan fitrah atau orientasi tradisional manusia (Nora Hendon, 2011). Pengawasan ibu bapa terhadap anak-anak menjadi satu kewajipan yang amat penting supaya pembesaran anak-anak tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur yang negatif dan tidak sihat. Pemaparan watak J dan Zie dianggap sebagai cerminan kepada masyarakat supaya menitikberatkan soal perkembangan dan aktiviti anak-anak. Sesuatu yang boleh dipuji melalui filem ini adalah tindakan Puteri dan beberapa rakan lain dalam meyakinkan ibu J bahawa tidak semua wanita yang menceburkan diri di dalam sukan futsal adalah wanita yang kasar ataupun pengkid.

Bagi sesetengah golongan remaja, kebiasaannya mereka akan mengalami satu fasa di mana mereka akan berasa selesa dengan jantina yang bertentangan. Ibu bapa perlu memainkan peranan penting apabila melihat anak-anak mereka berkelakuan songsang. Anak-anak perlu melalui beberapa fasa yang salah satunya anak perempuan ada merasakan mereka ingin menjadi lelaki tetapi itu hanyalah merupakan satu fasa normal yang perlu dilalui. Di

Amerika Syarikat, perkara sebegini sudah mula di tahap merisaukan kerana terdapat ibu bapa yang melihat anak mereka cenderung ke arah jantina yang bertentangan telah membawa anak mereka berjumpa pakar untuk mendorong anak mereka ke arah jantina yang bertentangan tersebut. Oleh yang demikian, pemaparan watak wanita pengkid melalui filem *Gol dan Gincu* (2005) ini dianggap sebagai satu cubaan untuk memperkenalkan golongan lesbian ini terhadap masyarakat walaupun tiada unsur-unsur keterlaluan dipaparkan (Rafidah Hanim, 2017).

Melihat kepada konsep modenisasi oleh Berger (1977), beliau menjelaskan bahawa seseorang individu tidak mampu untuk mengubah sikap mahupun sifat individu yang lain. Pengurangan ikatan tradisi dilihat oleh Berger (1977) sebagai satu pengurangan ikatan terhadap nilai agama yang akan mempengaruhi kehidupan individu tersebut. Pemilihan watak-watak dalam filem *Gol dan Gincu* (2005) untuk menjadi seorang yang berperwatakan bertentangan dari nilai norma dilihat sebagai sesuatu yang mengubah fitrah ditetapkan tuhan. Berger (1977) juga turut tidak menolak bahawa terdapat golongan yang dapat menerima keputusan atau pemilihan individu mahupun kelompok terhadap sesuatu yang bertentangan dengan nilai agama. Namun begitu, beliau tetap melihat bahawa keputusan tersebut hanyalah memberi kepuasan dan kegembiraan sementara serta akan memberi tekanan pada masa akan datang.

Isu seksualiti yang lebih memfokuskan terhadap isu homoseksual secara terangterangan dapat dilihat melalui filem *Pisau Cukur* (2009) dan filem *Istanbul Aku Datang* (2012). Melalui filem *Pisau Cukur* (2009), Rafidah Abdullah dan Bernard Chauly mengetengahkan isu ini melalui naratif dengan pemaparan yang lebih tersurat. Penceritaan mengenai isu ini dilihat lebih berani apabila menyelitkan kisah isteri ketiga Datuk Zakaria iaitu Sal mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain. Hal ini terbongkar apabila Ari yang

merupakan seorang penyiasat peribadi telah menerima satu bungkusan secara rahsia yang mengandungi *Video Compact Disc (VCD)* yang tertulis di luarnya *Kisah Isteri No.3 yang Terlampau*. Kandungan VCD tersebut adalah mengenai video kecurangan isteri ketiga Datuk Zakaria bersama teman wanitanya. Setelah didesak oleh Ari dan Intan yang ketika itu sedang giat mencari siapakah pembunuh Datuk Zakaria, Sal akhirnya mengaku mengenai hubungan sulit bersama teman wanitanya dan turut menjelaskan bahawa Datuk Zakaria juga mengetahui mengenai perkara itu.

Selain itu, anak Datuk Zakaria iaitu Johan yang dilakonkan oleh Nasty turut mempunyai hubungan sulit bersama teman lelakinya iaitu Iskandar. Melalui naratif *Pisau Cukur* (2009) ini, pemaparan watak Johan dan Iskandar yang mempunyai hubungan di antara satu sama lain dipaparkan secara terbuka tanpa berselindung. Johan dan Iskandar telah memasuki pertandingan tarian *Ballroom* dan penyertaan mereka itu amat mengejutkan penonton yang berada di atas kapal mewah tersebut terutama ibunya. Pada pengakhiran cerita pula kelihatan Iskandar memeluk bahu Johan dan mereka berjalan seiringan turun daripada kapal Duyung tersebut.

Selain daripada filem *Pisau Cukur* (2009), filem *Istanbul Aku Datang* (2012) turut memaparkan elemen seksualiti di dalam penceritaan. Pemaparan elemen seksualiti melalui filem ini bagaimanapun bukanlah sebagai satu naratif utama namun pengkaji tertarik untuk memetik mengenai filem ini kerana pengarah dan penulis skrip masih lagi mengekalkan elemen seksualiti yang lebih menjurus kepada isu homoseksual dalam penceritaan walaupun telah menerima kritikan hebat pada filem *Pisau Cukur* (2009) sebelumnya. Melalui filem ini, watak Dian menganggap rakan serumahnya iaitu Hariz mempunyai hubungan istimewa bersama seorang lelaki Turki iaitu Omar. Dipaparkan babak di mana Dian membayangkan

Hariz dan Omar memeluk bahu di antara satu sama lain sambil menikmati pemandangan. Watak Dian melalui naratif filem ini menganggap bahawa hubungan sejenis tersebut sebagai sesuatu yang manis dan boleh diterima. Tidak menampakkan di dalam naratif filem tersebut yang menunjukkan Dian jelek dengan hubungan songsang tersebut.

Berger (1977) melihat masyarakat moden pada abad ke 21 tidak menjadikan agama sebagai pegangan sebaliknya mementingkan kehendak mereka untuk mendapat kepuasan kehidupan yang maksima. Pada beliau, agama membentuk peribadi positif terhadap individu. Beliau percaya bahawa setiap agama yang wujud di dunia ini menyebarkan fahaman serta pengaruh yang baik terhadap penganutnya. Agama juga pada beliau mempengaruhi setiap tindakan seseorang terhadap sasaran hidup, membuat sebarang keputusan dan juga dengan agama dapat memberi kebahagiaan yang berterusan kepada individu. Namun begitu, tidak semua penganut agama mengikuti setiap ajaran yang telah ditetapkan oleh agama mereka. Ia bergantung kepada tahap agama seseorang. Oleh itu, Berger berpandangan bahawa masyarakat moden kini bertindak mementingkan keinginan sendiri yang lebih bersifat individualistik dan sanggup mengetepikan agama demi mencapai kepuasan dan sasaran yang diingini.

Melalui sesi temu bual bersama Dr. Rafidah Hanim yang merupakan Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Radio Institut Kefahaman Malaysia (IKIM FM), beliau telah banyak merungkaikan mengenai perkembangan isu homoseksual ini di Malaysia mahupun pada peringkat antarabangsa. Masyarakat antarabangsa memasukkan elemen ini di dalam segala sudut kehidupan seperti dari sudut perfileman dan pendidikan. Beliau turut menjelaskan bahawa majalah yang terkenal seperti *National Geographic* di dalam edisi Januari 2017 telah memperkenalkan 70 pengelasan gender dan bukan sahaja terdiri daripada golongan lesbian, gay, biseksual dan

transeksual seperti yang diketahui umum. Selain daripada majalah *National Geographic*, majalah *The Times* juga melalui edisi Mac telah mengetengahkan tentang gaya hidup golongan tersebut.

Selain itu, Ahmad Farami yang merupakan seorang pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Fello Pengajian Kewartanan di dalam sesi temu bual di radio IKIM juga menerangkan mengenai bagaimana penularan isu lesbian, gay, biseksual dan transeksual ini berlaku dan berkembang melalui media. Menurut Ahmad Farami (2017), dalam tempoh sedekad kebelakangan ini, watak gay serta idea homoseksualiti semakin ketara terutamanya melalui konteks media elektronik. Contohnya, watak gay dipaparkan sebagai normal dan sebagai mereka yang berkeluarga dan mempunyai anak angkat bersama pasangan sama jantina. Jadi, ini dianggap sebagai satu proses normalisasi budaya yang menjadikan gaya hidup ini sebagai satu budaya yang diterima di dalam masyarakat dan proses untuk menghapuskan tabu bahawa lesbian, gay, biseksual dan transeksual sebagai penyimpangan seksual. Antara tujuan mereka adalah supaya lesbian, gay, biseksual dan transeksual dapat diterima di dalam masyarakat dan adanya toleransi dan boleh dianggap sebagai salah satu kelompok normal di dalam masyarakat.

Satu kebimbangan yang dilihat di dalam pemaparan isu ini dalam filem *Pisau Cukur* (2009) adalah pemaparan watak-watak homoseksual dalam filem ini tidak diakhiri dengan satu babak yang positif terhadap penonton. Pengarah dan penulis skrip meninggalkan penonton dengan persoalan dan tanda tanya apakah pengakhiran kepada watak-watak homoseksual tersebut. Berbeza dengan pemaparan watak homoseksual di dalam filem *Istanbul Aku Datang* (2012) yang mana watak tersebut hanyalah sekadar bayangan Dian dan salah faham terhadap Hariz dan lelaki Turki itu. Walaupun dipaparkan babak di mana Dian menerima fahaman lesbian, gay, biseksual dan transeksual itu, namun sekurang-kurangnya

Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah tidak meletakkan watak homoseksual itu sebagai suatu yang realiti dalam naratif.

Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Berger (1977) bahawa sebahagian masyarakat moden kini tidak menjadikan agama sebagai pegangan utama. Walaupun masyarakat itu sendiri tahu bahawa kegiatan homoseksual ini merupakan sesuatu yang salah di sisi agama, namun sebahagiannya masih mengamalkan kegiatan songsang ini. Sebahagian masyarakat yang mengamalkan kegiatan ini tidak mempedulikan apa kesan negatif yang bakal mereka terima. Berger (1977) turut menjelaskan bahawa golongan seperti ini hidup dalam dunia mereka sendiri dan menganggap apa yang mereka lakukan sebagai satu cabaran yang harus ditempuh demi memenuhi kepuasan hidup.

Jadi, apa sahaja kemasukan unsur atau budaya dari luar perlulah dikawal sebaiknya. Masyarakat tidak dapat menghindari proses pemodenan yang berlaku. Modenisasi yang melanda kini memberi banyak perubahan dari pelbagai sudut. Melalui kecanggihan teknologi kini seperti melalui medium elektronik tidak memberi sebarang halangan unsur-unsur negatif dari budaya luar masuk dan menyerap ke dalam budaya Melayu. Malaysia yang merupakan sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama rasmi haruslah memandang isu ini sebaik mungkin dari terus menular dalam masyarakat. Kesan dari isu homoseksual ini bukan sahaja dari sudut pembangunan sosial tetapi juga dari sudut kesihatan (Rafidah Hanim, 2017). Isu berkenaan homoseksual ini tidak memberikan implikasi positif kepada pembangunan sosial di Malaysia. Oleh itu, penentangan terhadap isu ini perlu diteruskan supaya unsur negatif ini tidak membentuk satu budaya baharu dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

5.6 Gaya Hidup Masyarakat Bersifat Materialistik

Situasi yang berkaitan dengan ekonomi dan material dilihat sebagai satu cabaran yang perlu dilalui oleh masyarakat pada era globalisasi kini. Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Abdul Hamid (2009) menjelaskan bahawa cabaran sosiobudaya wujud diakibatkan oleh kebanjiran pengaruh budaya luar. Kini bukan sahaja bidang ekonomi, perdagangan, teknologi maklumat dan sosiobudaya sahaja yang terkesan melalui proses globalisasi malahan juga bidang kebudayaan, cara hidup dan kepenggunaan turut menerima tempiasnya.

Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Hamid (2009) turut menjelaskan bahawa bahaya globalisasi ke atas budaya terdapat dalam fakta iaitu globalisasi merupakan salah satu bentuk penjajahan yang memasuki ciri teras dalam kehidupan seseorang iaitu pemikiran dan kesedaran manusia. Mereka turut menyatakan bahawa globalisasi memiliki tarikan kuat ke atas nafsu, emosi serta keseronokan kebendaan yang memberi kesan ke atas setiap individu dalam masyarakat. Tidak dinafikan bahawa globalisasi memberikan banyak implikasi positif kepada masyarakat di seluruh dunia namun masyarakat itu sendiri harus mempunyai kesedaran tentang implikasi dari sudut negatif. Perkembangan dari sudut kemodenan dan globalisasi tidak dapat dikawal tetapi masyarakat mampu untuk meletakkan limitasi terhadap tarikan nafsu, emosi serta keseronokan terhadap pemilikan kebendaan (Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Hamid, 2009). Selain itu, mereka juga menjelaskan bahawa masyarakat yang terdedah kepada isu materialisme ini secara majoritinya terdiri daripada masyarakat yang tinggal di bandar besar.

Hal ini disokong oleh Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri yang menjelaskan bahawa golongan materialis amat mempengaruhi masyarakat yang tinggal di bandar-bandar besar. Hal ini turut dibuktikan dengan hasil Laporan Penyiasatan Isi Rumah 2014 yang

dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di Rajah 2.4. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Malaysia telah meningkat daripada RM2,190 pada 2009 kepada RM3,578 pada 2014. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan pula secara puratanya di bandar telah menunjukkan peningkatan pada kadar 9.3 peratus setahun daripada RM2,465 kepada RM3,921 manakala di luar bandar pula meningkat pada kadar 8.4 peratus setahun daripada RM1,599 kepada RM2,431 bagi tempoh 2009 hingga 2014.

Pemilihan set penggambaran tersebut secara tidak langsung telah memaparkan gaya hidup watak-watak di dalam naratif yang lebih memilih gaya hidup materialistik. Ini dapat dilihat melalui watak Putri di dalam filem *Gol dan Gincu* (2005) yang tinggal di sekitar Lembah Klang dan gemar menghabiskan masanya membeli-belah barangan yang bukan dianggap sebagai keperluan. Melalui filem ini, Putri dilihat sanggup berbelanja besar untuk mengubahsuai susun atur di bilik tidurnya hanya semata-mata kerana ingin menanam minat terhadap permainan futsal yang menampakkan sebagai satu unsur pembaziran. Dipaparkan juga di dalam naratif filem *Gol dan Gincu* (2005) tersebut Putri bersama rakannya iaitu Ling sering meluangkan masa membeli-belah barangan berjenama.

Bagi filem *Pisau Cukur* (2009) pula, Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah meletakkan isu materialisme sebagai isu utama dalam naratif. Rafidah Abdullah melalui sesi temu bual menjelaskan idea untuk menghasilkan naratif bagi filem *Pisau Cukur* (2009) bermula dari adiknya yang menyatakan terdapat beberapa rakan perempuannya yang bercita-cita untuk mengahwini lelaki yang lebih tinggi statusnya dan lebih kaya bagi menjamin kehidupan mereka. Beliau juga turut berkongsi pandangannya bahawa fenomena wanita mengejar lelaki kaya turut berlaku dalam kalangan wanita Melayu yang menjadikan subjek material atau aset seseorang itu sebagai pengukur pada sesuatu ikatan perkahwinan. Namun begitu, sebagai manusia biasa Rafidah Abdullah mengharapkan agar masyarakat di luar sana

tidak mudah menghukum wanita seperti ini kerana mereka mempunyai alasan dan tujuan yang kukuh untuk dicapai di dalam kehidupan.

Wanita seperti watak Bella dan Intan di dalam filem ini dilihat sebagai wanita yang berperwatakan materialistik. Bella pada awalnya merupakan salah seorang daripada peserta realiti di televisyen melalui program *Siapa Nak Kahwin Jutaan?*. Namun, Bella kecewa kerana beliau tidak menjadi pilihan dan pemenang utama bagi program tersebut. Bella dan Intan lebih gemar memikat lelaki yang telah berumur kerana beranggapan bahawa lelaki di dalam lingkungan umur tersebut mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh.

Sindiran secara halus merupakan cara terbaik untuk mengubah stigma masyarakat Melayu masa kini dan isu inilah yang dipaparkan serta dapat dilihat di dalam filem *Pisau Cukur* (2009). Aspek material dan ekonomi yang kukuh menjadi pilihan utama dalam sesebuah hubungan. Watak Intan juga memaparkan seorang yang materialistik apabila beliau sering menyebut barangan yang berjenama ketika beliau terkejut pada sesuatu perkara misalnya seperti *Oh my Gucci*, *Oh my Prada* dan *Oh my Dior*. Eckersley (2006) dalam penulisannya iaitu *Is Modern Western Culture a Health Hazard?* menjelaskan bahawa kebanyakan kajian psikologi yang dilakukan berkaitan dengan materialisme ini tidak melibatkan kebahagiaan. Sebaliknya kehidupan yang mengutamakan materialisme ini dilihat sebagai sesuatu yang mengakibatkan kepada rasa ketidakpuasan hati, kemurungan, kemarahan dan keterasingan.

Hal inilah yang ditegaskan oleh Berger (1977) mengenai penguasaan kepuasan hidup tanpa meletakkan nilai agama dalam kehidupan. Berger (1977) melalui kajiannya mendapati bahawa kepuasan dan kegembiraan yang dimiliki oleh golongan ini hanya bersifat sementara. Beliau juga melihat keseronokan yang dimiliki itu hanyalah sekadar sebagai satu keseronokan palsu yang bertujuan untuk menunjuk-nunjuk. Hakikatnya, golongan ini

mengalami rasa ketidakpuasan hati serta tertekan dengan kehidupan yang mereka jalani. Beliau juga menyatakan bahawa kemunculan kemodenan dan globalisasi seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang memberi implikasi positif secara keseluruhannya. Namun, kerana desakan sikap sesetengah golongan masyarakat materialis yang berkemampuan telah menjadikan sebahagian daripada golongan materialis yang tidak berkemampuan mengalami tekanan dalam merealisasikan kehendak serta keinginan mereka.

Selain daripada itu, watak isteri-isteri Datuk Zakaria iaitu Datin Wahidah, Naini dan Sal turut mempamerkan perwatakan wanita materialistik. Hubungan antara mereka bertiga dilihat secara luaran mempunyai hubungan yang akrab di antara satu sama lain. Namun, di sebaliknya mereka saling bersaing untuk memikat hati Datuk Zakaria semata-mata untuk kepentingan memiliki harta. Sikap Datuk Zakaria yang bermata keranjang turut menambahkan sifat cemburu mereka. Naini dan Sal yang masing-masing merupakan isteri kedua dan ketiga ada menjelaskan bahawa perkahwinan mereka bersama Datuk Zakaria bukan semata-mata untuk kebahagiaan tetapi juga untuk kesenangan mereka di kemudian hari. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri materialistik itu terdapat dalam perwatakan isteri-isteri Datuk Zakaria yang secara tidak langsung menjadikan isu materialisme sebagai isu utama dalam naratif filem *Pisau Cukur* (2009).


Perwatakan materialistik isteri-isteri Datuk Zakaria tersebut dapat dikaitkan dengan nilai materialistik yang terdiri daripada tiga ciri iaitu pemilikan, tidak bermurah hati dan perasaan iri hati yang telah dijelaskan oleh Belk (1985). Berdasarkan Belk (1985) tersebut, pemilikan dimaksudkan dengan kecenderungan untuk mengekalkan pemilikannya terhadap sesuatu barangan peribadinya. Tidak bermurah hati dikaitkan dengan rasa tidak senang seseorang untuk berkongsi barangannya kepada orang lain. Iri hati pula merupakan sesuatu yang berkaitan dengan kebencian seseorang terhadap kebahagiaan, kejayaan, reputasi, nasib

dan pemilikan barangan yang dimiliki oleh orang lain. Secara ringkasnya, materialisme itu berkaitan dengan persepsi seseorang terhadap wang dan objek fizikal dan dikaitkan dengan seseorang yang berkeinginan tinggi untuk memiliki objek berbentuk material.

Selain itu, terdapat babak di mana ketiga-tiga isteri Datuk Zakaria terpaksa menyimpan perasaan tidak puas hati dengan kehidupan mereka yang terpaksa bermadu. Situasi ini menjurus kepada kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Couple and Marriage Therapy* oleh Jason S. Carroll , Lukas R. Dean , Lindsey L. Call & Dean M. Busby (2011), materialisme banyak dikaitkan dengan rasa ketidakpuasan hati di dalam perkahwinan. Melalui kajian ini, tinjauan telah dilakukan terhadap 1,734 pasangan dan pasangan yang mempunyai tahap materialisme yang tinggi mempunyai kualiti hubungan kebahagiaan perkahwinan yang rendah berbanding pasangan yang mempunyai nilai materialisme yang lebih rendah. Perkara inilah yang terpaksa dihadapi oleh ketiga-tiga isteri Datuk Zakaria yang terpaksa menyetepikan kebahagiaan semata-mata demi kepentingan material.

Menurut Eckersley (2006), manusia boleh dikategorikan kepada dua berdasarkan kepada manusia yang mementingkan matlamat ekstrinsik mahupun matlamat intrinsik. Bagi manusia yang mengutamakan matlamat ekstrinsik ataupun matlamat luaran seperti kemasyhuran, kekayaan dan populariti, mereka akan lebih mudah terdedah kepada kebimbangan, kemurungan dan tidak mempunyai hubungan yang baik dan berkekalan antara sesama manusia. Berbeza dengan golongan yang mengutamakan matlamat intrinsik yang sentiasa mementingkan kebahagiaan dan menjaga hubungan sesama manusia. Penjelasan Eckersley (2006) ini dilihat mencerminkan sebahagian besar watak-watak di dalam filem *Pisau Cukur* (2009) lebih mengutamakan matlamat ekstrinsik yang mana aspek material dijadikan sebagai landasan hidup.

Melalui filem *Istanbul Aku Datang* (2012), pemaparan isu materialisme ini bukan menjadi isu utama di dalam naratif. Namun, masih dapat dilihat kepentingan materialisme ini melalui watak lelaki tempatan di dalam filem tersebut. Pertamanya pemaparan materialisme pada watak lelaki Turki yang kononnya banyak membantu Dian di dalam filem ini. Pada awal kedatangan Dian ke Istanbul Azad menasihati Dian supaya tidak terlalu mempercayai lelaki tempatan kerana gusar mereka mempunyai niat yang tidak baik tetapi Dian menidakkan anggapan Azad tersebut. Kali kedua Dian tersempak kembali dengan lelaki Turki tersebut ketika beliau mencari bilik sewa. Dian terlalu gembira kerana lelaki Turki itu ingin menyewakan sebuah pangsapuri yang kononnya milik bapanya kepada Dian. Dian telah membayar wang pendahuluan dan bayaran sewa pangsapuri selama tiga bulan kepada lelaki Turki itu. Namun, apa yang mengecewakan Dian adalah lelaki tersebut telah menipunya kerana pangsapuri tersebut adalah milik jirannya.



Rajah 5.1: Peratusan masyarakat yang bersetuju dengan kenyataan, "Saya mengukur kejayaan melalui material yang saya miliki"

Satu kajian telah dilakukan oleh sebuah syarikat penyelidikan yang dikenali sebagai Ipsos mengenai sikap global pada materialisme, kewangan dan keluarga. Kajian ini telah melibatkan 16,000 orang responden daripada 20 buah negara. Responden daripada negara China mendahului senarai dalam mengukur kejayaan melalui nilai material. 71 peratus responden Cina bersetuju dengan kenyataan "Saya mengukur kejayaan melalui material yang

saya miliki," jauh lebih tinggi daripada responden dari negara jiran di Asia Timur iaitu Korea Selatan sebanyak 45 peratus dan Jepun 22 peratus. Responden yang terdiri daripada negaranegara maju umumnya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hanya lebih 20 peratus rakyat Amerika dan Kanada bersetuju dan hanya 7 peratus daripada Sweden.

Oleh itu, melalui kajian tersebut jelas menunjukkan materialisme ini bukanlah hanya berkembang di negara-negara barat. Seiring dengan perkembangan dunia globalisasi kini, isu materialisme dapat dilihat dan menular di seluruh pelusuk dunia. Negara barat seperti Amerika Syarikat seperti yang dijelaskan oleh Omar Jah melalui Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Hamid (2009) seolah-olah hanya berperanan membawa nilai-nilai sekular barat seperti konsumerisme, materialisme dan individualisme meresap ke dalam negaranegara lain di seluruh dunia. Melalui peresapan tersebut telah membuatkan masyarakat di seluruh pelusuk dunia mempunyai pilihan dalam menentukan keperluan dan kehendak yang mereka inginkan di dalam hidup. Tidak terkecuali juga dengan masyarakat di Malaysia. Peningkatan sara hidup ketika zaman ini juga menjadikan masyarakat kini lebih mementingkan aspek materialisme dan individualisme (Fauzi Othman, Koharuddin Balwi dan Azhar Abdul Hamid, 2009).

Kemasukan unsur-unsur dari luar ini telah menyebabkan masyarakat di Malaysia tanpa sedar sedikit sebanyak mula menerima dan mementingkan aspek material di dalam kehidupan. Penerimaan terhadap aspek material ini merupakan satu lumrah terhadap sesebuah masyarakat dan individu. Namun, jika penguasaan aspek material ini berlaku secara keterlaluan bimbang akan memberi implikasi negatif bukan sahaja kepada masyarakat malahan kepada institusi sosial dan negara. Seperti apa yang telah dibincangkan, dunia barat merupakan pihak utama yang berperanan dalam membawa isu mementingkan kebendaan ini ke seluruh pelusuk dunia. Kini, seluruh negara di pelusuk dunia secara sedar atau tidak telah

meletakkan material sebagai sasaran mereka. Cuma, apa yang perlu dikawal adalah ketaksuban terhadap sikap materialistik terutamanya kepada golongan Melayu yang beragama Islam agar tidak terpesong dalam melayari dunia material pada hari ini. Masyarakat juga sentiasa bersaing untuk mencapai sasaran yang mereka telah tetapkan di dalam kehidupan masing-masing.

Menurut Berger (1977), masyarakat moden yang mengutamakan materialisme dalam kehidupan akan sentiasa mempunyai sasaran dalam hidup. Golongan ini menganggap wang ringgit dan harta benda sebagai kayu pengukur kepada kejayaan dan kebahagiaan. Hal ini jelas dipaparkan melalui ketiga-tiga naratif filem yang telah dipilih. Berger (1977) turut berpandangan bahawa golongan yang mengutamakan materialisme dalam kehidupan jika tidak dikawal akan memberi kesan negatif bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang di sekeliling.

Kesan negatif yang diterima bagi mereka yang terlalu obses kepada materialisme ini seperti yang dijelaskan oleh Berger (1977) dapat dilihat dalam naratif ketiga-tiga buah filem. Contohnya melalui pemaparan naratif dalam filem *Pisau Cukur* (2008), kesanggupan watak dalam filem tersebut mempertaruhkan masa hadapannya hanya semata-mata untuk mengejar kekayaan akhirnya telah memakan diri sendiri. Melalui pemaparan naratif dalam ketiga-tiga filem tersebut, ternyata Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah telah berjaya melahirkan sebahagian watak dalam filem-filem itu yang berperwatakan materialistik. Kajian Berger (1977) ini dikaitkan dengan proses-proses legitimasi agama melalui dunia sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Rumusan Berger (1977) mengenai agama telah menyentuh persoalan paling kritikal tentang realiti sosial agama yang sering dikaitkan dengan kehidupan masyarakat moden.

5.7 Rumusan

Kesimpulannya, pada Bab Lima ini telah dilakukan perbincangan secara mendalam mengenai pengaruh luar yang terdapat di dalam filem-filem pilihan arahan Bernard Chauly iaitu filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012). Berdasarkan hasil perbincangan tersebut didapati bahawa pengarahnya, iaitu Bernard Chauly dan penulis skrip iaitu Rafidah Abdullah sememangnya mengekalkan genre dan corak naratif moden dalam filem mereka. Hal ini dibuktikan dengan penghasilan ketiga-tiga filem yang dipilih oleh pengkaji.

Konsep modenisasi oleh Berger (1977) juga telah dibincangkan pada bab ini. Perbincangan mendalam pada bab ini juga telah menjawab secara keseluruhan objektif kedua kajian. Isu mengenai seksualiti dan materialisme secara ringkasnya melalui filem-filem yang telah dipilih dilihat bertepatan dengan konsep modenisasi yang diketengahkan oleh Berger (1977), iaitu pengurangan terhadap kepercayaan tradisi. Pengurangan kepercayaan tradisi yang dijelaskan oleh Berger (1977) adalah kebiasaannya masyarakat sebelum moden, iaitu masyarakat tradisi amat bergantung sepenuhnya kepada kuasa semulajadi seperti tuhan, semangat atau nasib. Masyarakat tradisi menganggap kuasa semula jadi tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat dikawal dan meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada kuasa tersebut. Namun, berbeza dengan masyarakat moden yang menganggap bahawa kehidupan merupakan pilihan yang ditentukan oleh mereka sendiri dan mengetepikan apa yang digariskan oleh agama. Keseronokan dan kepuasan hidup menjadi sasaran kepada golongan masyarakat moden menurut Berger (1977). Berger (1977) juga berpandangan bahawa masyarakat moden akan lebih berusaha untuk mencapai sesuatu perkara dan kurang mempercayai kepada nasib.

Hasil kajian juga mendapati bahawa filem-filem ini sentiasa diselitkan dengan permasalahan sosial mengenai isu-isu terkini yang dihadapi oleh masyarakat Melayu khususnya tanpa disedari. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya masyarakat Melayu di Malaysia kini rata-ratanya telah menerima sedikit sebanyak pengaruh yang dibawa oleh negara luar berbeza dengan masyarakat Melayu tradisi dahulu. Masyarakat sendiri perlulah bijak sebelum menerima sebarang unsur asing yang datangnya dari negara serta budaya luar. Unsur negatif perlulah ditapis dan ditolak supaya tidak menjadi sebahagian daripada budaya Melayu pada masa akan datang.

BAB 6

KESIMPULAN

6.1 Pendahuluan

Berdasarkan perbincangan pada bab-bab sebelum ini, kajian akan dirumuskan secara terperinci berkaitan dengan keseluruhan hasil mengenai kajian ini, iaitu *Unsur Seksualiti dan Materialisme dalam Karya Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah*. Huraian terhadap perkara yang menyentuh mengenai kesimpulan secara keseluruhan dan cadangan masa hadapan akan turut dijelaskan oleh pengkaji menerusi Bab Enam ini.

6.2 Rumusan Kajian

Pada Bab Satu, pengkaji telah memberikan satu perbincangan yang mendalam dari sudut bidang budaya, modenisasi dan perfileman. Pengenalan secara terperinci dilakukan melalui penerangan tentang konsep budaya yang dinamik dan adaptif serta sentiasa mengalami perubahan. Kemudian, pengkaji menjelaskan mengenai elemen penting yang terdapat dalam kajian ini iaitu mengenai naratif, seksualiti dan materialisme. Modenisasi dan globalisasi telah memberikan perubahan dari pelbagai sudut termasuklah dari sudut nilai sosial.

Pengkaji memilih untuk menganalisis dan melakukan perbincangan teliti mengenai bagaimana modenisasi telah menyebabkan berlakunya pertembungan antara budaya Melayu dan budaya luar terhadap naratif filem-filem terpilih. Objektif kajian juga telah ditetapkan pada bab ini iaitu, objektif pertama pengkaji mengenalpasti mengenai isu seksualiti dan materialisme yang terdapat dalam filem arahan Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan mengapa Bernard Chauly dan Rafidah Abdullah mengekalkan isu-isu tersebut dalam karya mereka. Bagi objektif kedua pula, pengkaji membincangkan mengenai isu seksualiti dan materialisme dalam filem yang telah dipilih. Pada objektif kedua,

pengkaji membincangkan secara teliti mengenai isu tersebut dan dikaitkan dengan konsep yang diketengahkan oleh Peter Berger (1977) serta turut menjadikan kajian lepas yang berkenaan sebagai panduan dalam perbincangan.

Pada Bab Dua pula, pengkaji telah meneliti dan menghuraikan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai isu yang berkaitan dengan kajian ini. Berdasarkan kajian literatur yang telah dikemukakan pada bab dua tersebut, pengkaji bukan sahaja dapat menambahkan pemahaman berdasarkan konsep ataupun pendapat berkaitan topik kajian malahan membolehkan pengkaji mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk digunakan bagi mencapai objektif kajian. Perbincangan mengenai proses modenisasi yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu terhadap budaya Melayu bagi kajian ini turut mengambil kira dari sudut realiti kehidupan sebenar selain daripada huraian melalui filemfilem yang telah dipilih oleh pengkaji.

Bab ketiga pula ialah mengenai metodologi yang menerangkan mengenai kaedah yang digunakan untuk memperolehi maklumat yang bersesuaian. Metodologi merupakan bahagian yang penting dalam sesuatu kajian ilmiah kerana metodologi merupakan faktor penentu yang menyumbang kepada hasil data yang bakal diperolehi serta memastikan keberkesanan kajian. Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggalakkan pengkaji berfikir secara kritis dan kritikal dalam mentafsir permasalahan kajian. Hal ini juga disesuaikan dengan solusi yang tepat melalui bahan dan kaedah pengumpulan data yang berkesan.

Menerusi Bab Tiga ini pengkaji telah menjelaskan mengenai kaedah yang akan digunakan iaitu kaedah analisis isi kandungan yang mana pengkaji akan melakukan penontonan secara berulang pada setiap filem-filem yang telah dipilih. Kemudian, pengkaji melakukan kajian kepustakaan di perpustakaan yang telah disenaraikan. Pengkaji turut

melakukan temu bual bersama Rafidah Abdullah yang merupakan penulis skrip bagi ketigatiga filem yang telah dipilih. Temu bual bersama beliau banyak membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan data primer dalam melunaskan kajian ini. Perbincangan dilakukan secara teliti agar permasalahan yang terdapat dalam kajian ini terjawab.

Selain itu, pengkaji turut menjelaskan mengenai definisi budaya, definisi moden dan definisi filem bagi pemahaman pengkaji dan pembaca. Pengkaji juga menjadikan konsep modenisasi yang diperkenalkan oleh Berger (1977) sebagai garis panduan supaya kajian ini sentiasa berada pada landasan. Pemilihan konsep modenisasi ini dilihat amat bertepatan dengan kajian ini memandangkan filem-filem pilihan pengkaji merupakan filem yang diklasifikasikan sebagai filem moden. Kesemua kaedah yang dinyatakan memainkan peranan penting dalam kajian ini, sekaligus membantu pengkaji ke arah pelaksanaan dalam mencapai objektif kajian yang telah disasarkan.

Perbincangan pada Bab Empat pula telah membincangkan mengenai objektif pertama iaitu menjelaskan mengenai isu seksualiti dan materialisme dalam filem arahan Bernard Chauhy. Selain itu, pengkaji turut membincangkan sebab mengapa Bernard Chauhy dan Rafidah Abdullah sering mengetengahkan isu seksualiti dan materialisme dalam filem. Melalui perbincangan tersebut dapat memudahkan kefahaman untuk menjawab dan membincangkan objektif kedua pada bab seterusnya mengenai kedua-dua isu itu dengan lebih mendalam dalam filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012).

Pengkaji telah memilih ketiga-tiga filem tersebut adalah kerana ketiga-tiganya memaparkan latar moden masyarakat Melayu Malaysia bersesuaian dengan konsep moden yang telah dipilih. Selain itu, pemilihan juga berdasarkan kepada filem-filem yang telah diarahkan oleh Bernard Chauhy dan penulis skrip adalah Rafidah Abdullah. Kombinasi idea

dari kedua-dua insan seni ini telah meletakkan filem-filem terbitan Red Film sebagai filemfilem yang menjadi sebutan dan semakin mendapat sambutan daripada penonton.

Melalui Bab Lima, perbincangan secara mendalam mengenai persamaan isu yang terdapat di dalam filem-filem pilihan arahan Bernard Chauly iaitu filem *Gol dan Gincu* (2005), *Pisau Cukur* (2009) dan *Istanbul Aku Datang* (2012) telah dilakukan. Berdasarkan hasil perbincangan tersebut didapati bahawa pengarahnya iaitu Bernard Chauly dan penulis skrip iaitu Rafidah Abdullah sememangnya mempunyai sebab mengapa mereka memaparkan isu-isu tersebut di dalam ketiga-tiga filem terbabit. Proses modenisasi dapat dilihat melalui perbincangan pada bab ini yang mana masyarakat dilihat lebih gemar mencapai tahap kepuasan hidup tanpa meletakkan agama sebagai sasaran utama dalam hidup mereka.

Konsep Modenisasi oleh Berger (1977) juga telah dibincangkan secara terperinci pada bab ini. Perbincangan mendalam pada bab ini juga telah menjawab secara keseluruhan objektif kedua kajian ini. Isu mengenai seksualiti dan materialisme secara ringkasnya melalui filem-filem yang telah dipilih dilihat bertepatan dengan konsep modenisasi yang diketengahkan oleh Beger (1977) iaitu pengurangan terhadap kepercayaan tradisi. Pemilihan konsep modenisasi melalui kajian ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan seterusnya telah menjawab segala persoalan dan objektif kajian.

6.3 Cadangan

Melalui ruangan cadangan ini, pengkaji telah menjawab kedua-dua objektif yang telah diketengahkan pada awal kajian. Oleh yang demikian, bagi penyelidik akan datang yang berminat untuk melakukan kajian tentang difusi budaya melalui medium perfileman ini, pengkaji mencadangkan agar para penyelidik berikutnya untuk mengkaji tentang masalah

yang melibatkan penulisan dan perkembangan skrip. Kini, di Malaysia sahaja terdapat banyak institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta yang menawarkan kursus mengenai penulisan skrip. Ternyata pelajar memahami format yang betul dalam menghasilkan penulisan skrip ini. Namun begitu, bagi perkembangan sesebuah naratif di dalam filem, pembelajaran mengenai penulisan skrip tanpa kreativiti dan ilmu yang mencukupi tidak cukup untuk meletakkan filem Malaysia di tahap yang membanggakan. Oleh yang demikian, seseorang penulis skrip itu haruslah mengimbangkan hasil penulisan tersebut seiring dengan kesesuaian jati diri masyarakat di Malaysia dan tidak terlalu ghairah mencedok acuan dari budaya luar untuk menampakkan filem Malaysia sebagai sesuatu yang hebat.

Pengkaji turut mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan berkaitan dengan tajuk kajian ini dengan menggunakan kaedah kajian kuantitatif atau gabungan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif untuk memperkukuhkan dapatan kajian yang lebih mantap demi menampung kekurangan dalam kajian ini. Aplikasi teori lain yang berkaitan dengan tajuk kajian ini juga boleh dilakukan demi mencapai kajian lanjutan yang lebih komprehensif.

Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan menambah bilangan responden kajian untuk memperolehi data yang lebih menyeluruh dan mewakili sesuatu kawasan kajian yang lain. Dalam pada itu, kajian lanjutan juga boleh dijalankan dengan menggunakan lebih banyak variasi bahan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini seperti membandingkan penulisan skrip alternatif (*underground* atau *indie*) dengan penulisan skrip arus perdana yang mencatat kutipan pecah panggung dan mendapat anugerah di peringkat antarabangsa untuk melihat kepentingan penulisan-penulisan skrip ini dalam industri filem di Malaysia.

Bibliografi

Abadinsky, H. (2009). *Organized crime*. Wadsworth, Ohio: Cengage Learning.

Abdul Latiff Abu Bakar. (1987). Sejarah dan Pemikiran Konsep Kebudayaan di Malaysia. Dlm. Pertemuan Dunia Melayu'82: 76. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Abdul Aziz. (September, 2004). *Pembentukan Etos Budaya Etnik Melayu Mengharungi Pemodenan*. Di dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview, Langkawi, Malaysia.

Abdul Rahman Embong. (2002). *State-Led modernization and the new middle class in Malaysia*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.

Abd. Rahim, Suffean Hussin & Jamaluddin Tubah. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur, Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.

Adi Pranajaya. (1993). *Filem dan Masyarakat*. Jakarta: Yayasan Citra.

Adler, P.J. (2002). *World civilization*. Belmont, Ohio: Wadsworth Publishing.

Ahmad Farami. (6 April, 2017). *Gejala LGBT* [Penyiaran Radio]. Kuala Lumpur, Malaysia: Ikim FM.

Ahmad Ismail .(2005). *Kesan globalisasi ke atas pembentukan dan perkembangan peradaban Melayu*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Amriah Buang (2005). Globalisasi ekonomi dan impaknya kepada ruang budaya bandar di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 1(1), 46-55.

Aminuddin Ruskam. (2004). *Pascamoden: Perbincangan Isu Sosial*. Johor, Malaysia: Universiti Teknologi Mara.

Andrew, C. (2000). *World History of Male Love, "Homosexuals Traditions", The Two Spirit Tradition*.

Diperoleh pada 12 Disember, 2015

www.gay-art-history.org/gay-history/gay-customs/native-american-homosexuality/twospirit-native-american-gay.html.

Anuar Ramli. (2012). *Konsep gender: Satu pentakrifan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Arif Nizam. (2007). Pertemuan nostalgia di Galeri Perfileman. *Utusan Malaysia Online*.

Diperoleh pada 24 Februari, 2016

http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0522&pub=utusan_malaysia&sec=hiburan&pg=hi_04.htm&arc=hivearc=hive

Asiah Abu Samad. (1960). *Emancipation of Malay women: 1948-1957*. (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Singapura.

Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS.

Asiah Sarji. (2003). Perfileman dan kesannya terhadap masyarakat: Ke arah pengekalan dan penyuburan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 19, 1-21.

Asmahanim Amir. (30 Jun 2015). *Media sosial ada baik dan buruknya*.

Diperoleh pada 8 Januari, 2017 daripada

http://www.ukm.my/news/Latest_News/media-sosial-ada-baik-dan-buruknya-prof-ulung-shamsul-amri/

Ayu Haswida. (2004). Penarek Becha: Paradigma dalam sinema Melayu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 1, 44.

Ayu Haswida. (2006). The globalization of Malaysian cinema: A study on feminism as a construction of urban culture in Gol & Gincu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 3, 133-141.

Aziz Deraman. (1994). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Azura Roslan. (2012). *Imej Wanita dalam Filem Tempatan: Kajian Filem Bohsia (2009) dan Bohsia 2 (2012)*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Mara, Selangor, Malaysia.

Belk, R. W. (December, 1985). Materialism: trait aspects of living in the material world. *Journal of Consumer Research*, 13, 265-280.

Berger, P. (1977). *Facing Up To Modernity*. London, United Kingdom: Penguin Education.

Bordwell, D. & Thompson, K. (1997). *Film art: An introduction*. New York: McGraw-Hill.

Branston, G. & Stafford, R. (2003). *The Media Student's Book*. New York: Routledge

Cheris, K. (2000). *Routledge International Encyclopedia of Women*. London: Routledge.

Cubitt, S. (1999). Phalke, Melies and special effects today. *Wide Angle Journal*, 21(1), 115-130.

Daly Daud, Nursyamimi Harun, Md. Rozalafri Johori. (2014). Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian. *E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah*, 96-106.
Diperolehi pada 12 Mac 2016,
<http://www.kuis.edu.my/comm2014/e proceedings/C010%20ISU%20ISU%20PENULISAN%20SKRIP%20MASALAH%20YANG%20MEMERLUKAN%20PENYELESAIAN.pdf>

Degenva. (2008). *Intimate Relationships, Marriages & Families (7th ed)*. Di dalam Andini Mirandita. (2011). *Gambaran Proses Pemilihan Pasangan pada Dewasa Awal yang Kembar*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

Dian Swandayani, Iman Santoso, Nurhadi. (Ogos, 2010). *Kebudayaan Eropa dalam Media Massa Indonesia pada Awal Abad XXI*. Dibentangkan pada Konferensi Antarabangsa Kesusasteraan HISKI XXI, Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia.

Elizabeth, L. & Madeline D. (1994). *Boots of Leather, Slippers of Gold: The History of a Lesbian Community*. New York: Routledge.

Eckersley, R. (2006). Is modern Western culture a health hazard?. *International Journal of Epidemiology*, 55, 252–258.

Fadzil Yusof. (2007). Estetika Budaya dalam Filem. *Dewan Budaya*, 23-24.

Faizatul Farlin. (8 Ogos 2015). Kawal Sifat ‘Shopaholic’. *Harian Metro*.
Diperoleh pada 9 April 2017
<http://www.hmetro.com.my/node/68175>

Farhana Anuar. (2012). *Kesan migrasi terhadap watak protagonis dan antagonis di dalam filem Budak Kelantan (2008)*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Mara, Selangor, Malaysia.

Farhana Joni. (1 April 2012). 18 Kes Cerai Punca Hubungan Songsang. *Utusan Malaysia*.
Diperoleh pada 2 Jun 2016
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&ec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm

Faridah Ibrahim. (2014). Filem dan Revolusi Teknologi: Persepsi Penggunaan CGI dari Aspek Estetik dan Kreativiti. *Jurnal Komunikasi*, 30, 95-106.

Fatimah Abdullah. (2016). *Keluarga dan Permodenan di Malaysia*. Selangor, Malaysia: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Fauzi Hamat. (2002). Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini. *Jurnal Usuluddin*, 16, 13-34.

Fauzi Othman, Koharuddin Balwi & Azhar Hamid. (2009). *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*. Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.

Federation of Futsal USA. (t.t). *History of Futsal* .
Diperoleh pada 13 Februari 2016
<http://www.futsal.com/index.php/history-of-futsal->

Haris Abd. Wahab. (2004). Masalah sosial di bandar. *Jurnal Jati*, 9, 55-79.

Hark, I. R. (2007). *American cinema of the 1930s: themes and variations*. New Brunswick: Rutgers University Press.

Harlina Halizah & Noralina Omar. (2007). *Bebicara mengenai kesihatan reproduktif remaja: Panduan untuk Ibu Bapa dan Guru*. Selangor, Malaysia:PTS Millenia Sdn. Bhd.

Hassan Muttalib. (2015). *Malaysian Cinem Then and Now: A brief history 1933-2015*. Diperoleh pada 13 Januari 2016
<http://independent.academia.edu/HassanMuthalib/Papers>

Hatta Tabut. (2006). Liku-liku Pembikinan Filem. Dalam Mohamad Md. Yusoff et al. (Eds.). *Dinamika Media dan Masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Herbert J. (2008). *Promises, Oaths, and Vows: On the Psychology of Promising*. United States: CRC Press.

Hishamudin. (8 November 2014).Lelaki Berpakaian Wanita: Mahkamah Rayuan Tolak Keputusan Mahkamah Tinggi. *Utusan Online*. Diperoleh pada 14 April 2017
<http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/lelaki-berpakaian-wanita-mahkamah-rayuan-tolak-8232-keputusan-mahkamah-tinggi-1.22166>

<http://halaqah.net/v10/index.php?topic=5501.0>

http://www.gua.com.my/hiburan/ulasan/KL_Gangster_Filem_Aksi_Yang_Realistik.html

Huntington, S.P. (1993). The Clash of Civilisations?. *Foreign Affairs*, 72 (3), 22-49.

Husin Deraman, Alias Zakaria, Hishamudin Sansudin, Johari Beekry & Jamsari Husain.(2011). *Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah*. Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2009). *Kajian Penglibatan Belia dan Masyarakat Dalam Sukan*.

Diperoleh pada 16 Ogos 2016

<http://www.ippbm.gov.my/dokumen/faktabelia/07.Sukan&rekreasi.pdf>

infographicworld.com

Ipsos. 13 Disember 2013. Global Attitudes on Materialism, Finances and Family.

Diperoleh pada 16 April 2017

<http://www.ipsos-na.com/download/pr.aspx?id=13284>

Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Said. (2009). *Pengajian Sosial*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah*.

Diperoleh pada 9 April 2017

https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem&menu_id=amVoWU54UT10a21NWmdhMjFMMWcyZz09&bul_id=cGpPdWw3REhucFZPdXRpek1Jd3FZUT09

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). *Komposisi pekerja mengikut sektor dan gender*.

Diperoleh pada 12 Mei 2016

http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Muat%20Turun/QUICK_FACTS_KP_WKM_2014.pdf

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Komposisi Pekerja Mengikut Sektor dan Gender*.

Diperoleh pada 19 Mac 2017

<http://www.epu.gov.my/ms/sosio-ekonomi/pendapatan-kemiskinan-isi-rumah>

James M. H. (2006). *Essentials of Sociology: A Down to Earth Approach* (6th ed.). Los Angeles: Pearson Education.

Jamison Green. (2011). *Transgender Activists, Stories of LGBT History*.

Diperoleh pada 18 Disember 2015

<https://www.glsen.org/sites/default/files/Jamison%20Green%20Backgrounder.pdf>

Jason S. Carroll , Lukas R. Dean , Lindsey L. Call & Dean M. Busby. 07 Oktober 2011. Materialism and Marriage: Couple Profiles of Congruent and Incongruent Spouses. *Journal of Couple & Relationship Therapy*, 10 (4), 287-308.

Jins Shamsuddin. (1995). Industri Filem Melayu di Malaysia. *Tamadun Melayu*, 5.

John D. B., John C. B. & Robert M. C. (1986). *Progressivism*. New Jersey: Transaction Publishers.

Juliana Wahab & Mahyuddin Ahmad. (2009). Filem Box Office dan Ideologi: Satu Analisis Filem-filem Terpilih. *Jurnal Wacana Seni*, 8, 43-67.

Juliana Wahab. (2015). *Media, Komunikasi dan Wacana Globalisasi di Malaysia*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit USM.

Kathleen, K. (1999). *Cohabitation in Western Europe*. United Kingdom: London School of Economics.

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kennedy, E.L., Madeline D. D. (1994). *Boots of Leather, Slippers of Gold: The History of a Lesbian Community*. New York: Penguin.

Khairuddin Haiyon. (t.t). *Amalan Kaum Nabi Luth*.
Diperoleh pada 8 Mac 2017
<http://www.jais.gov.my/article/amalan-kaum-nabi-luth>

Khairul Azhar. (2008). *Gejala LGBT dan Peranan Institusi Agama*.
Diperoleh pada 17 Februari 2016
<http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/8408-gejala-lgbt-dan-peranan-institusi-agama>

Khairul Zainizah. (2007). *Sinema Kebangsaan dan ciri-ciri Identiti dalam Filem Malaysia*. (Kajian Ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Krishnan Kumar. (1995). *From Post Industrial to Post Modern Society: New Theoriest of The Contemporary World*. USA: Blackwell Publishers.
- Kroeber, A.L. (1940). Stimulus Diffusion. *American Anthropologist, New Series, 42* (1),1-2
Diperoleh pada 15 September 2015
https://www.jstor.org/stable/663339?seq=1#page_scan_tab_contents
- Ku Seman. (31 Mac 2001). Menilai semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan. *Utusan Malaysia*.
Diperoleh pada 23 April 2017
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0331&pub=Utusan_Malaysia&ec=Rencana&pg=re_01.htm
- Ku Seman. (15 Disember 2013). Analisis Sejarah Filem Malaysia. *Utusan Malaysia*.
Diperoleh pada 1 November 2015
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Sastera/20131215/sa_03/Analisis-sejarah-filem-Malaysia
- Laumann, E. O. (1994). The Social Organization of Sexuality: Sexual Practises in the United States. Di dalam Haikal Anuar, Abd Satar, Wan Shahrazad, Wan Azreena, Zainal Abidin dan Wan Mohd Zain. (2015). Faktor dan Cara Gaya Hidup serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian. *Jurnal Kemanusiaan dan Sains Sosial, 10* (1), 1-15.
- Liz Gooch. (28 Oktober 2010). Film Pushes Malaysian Censorship Boundaries, but Not Too Far. *The New York Times*.
Diperoleh pada 1 Februari 2016.
www.nytimes.com/2010/10/29/.../29iht-movie.html
- Lina Tan. (Penerbit). Bernard Chauly. (Pengarah). 2005. *Gol dan Gincu* [Motion Picture]. Malaysia: Red Films.
- Lina Tan. (Penerbit). Bernard Chauly. (Pengarah). 2009. *Pisau Cukur* [Motion Picture]. Malaysia: Red Films.
- Lina Tan. (Penerbit). Bernard Chauly. (Pengarah). 2012. *Istanbul Aku Datang* [Motion Picture]. Malaysia: Red Films.

Lukman Mohamad. (2003). *Globalisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors.

Mahadi Jermadi. (2006). *Filem Melayu, Filem Malaysia- Di mana Kita?*
Diperoleh pada 13 Julai 2015
http://fdam.blogspot.com/2006/07/filem-melayu-filem-malaysia-di-mana_09.html

Mahfudzah Mohamad. (2016). *Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender: Satu Tinjauan dari Perspektif Undang-Undang Jenayah Syariah*. (Kertas Kerja, Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Maryam Jameelah. (1976). *Islam in Theory and Practice*. Lahore: Mohammad Yusuf Khan.

Marziana Malib & Mimi Sofia. (September, 2014). Gejala Transeksual: Implikasi yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?. *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 48-61.

Marzita Abdullah. (2004). Bebas samseng: Kelulusan, pengalaman pengetua bukan penentu. *Portal Pendidikan Utusan*.
Diperoleh pada 15 Februari 2016,
<http://www.tutor.com.my>.

Mazula Sabudin. (15 Ogos 2014). Pelajar Perempuan kuasai IPTA. *Utusan Malaysia*.
Diperoleh pada 17 Februari 2016
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140815/dn_17/Pelajar-perempuan-kuasai-IPTA#ixzz40Ni3QTRM

Mc Grew, A. (1992). A Global Society? . Di dalam Samsudin A. Rahim. (Julai, 2001). *Media dan Identiti Budaya: Cabaran Media Terhadap Masyarakat Malaysia di Alaf Baru ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Sirnposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia - Isu dan Cabaran Abad Ke 21, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Mega Nur Fitriana. (2013). *Analisis Naratif Filem My Name Is Khan dalam Perspektif Komunikasi Antaragama dan Budaya*. (Tesis, Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan). Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, Indonesia.
- Metra Syahril. (28 November 2008). Apa Ironi Watak Lesbian? *Utusan Online*
Diperoleh pada 1 Februari 2016
ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1128&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_02.htm
- Mohanty. (1991). *Third World Women and the Politics of Feminism*. United States: Indiana University Press.
- Mohd Ariff. (2015). Potong Adegan Keterlaluan. *Dewan Masyarakat*, 17-18.
- Mohd Khairul. (1 Januari, 2013). Tanggungjawab kepada masyarakat. *Utusan Malaysia*, 17.
- Moore, W. E. (1964). *Social Change*. New Jersey: Prentice Hall.
- Muhammad Ahmad. (2011). *Dosa-Dosa Besar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Murshid Eunus. (2011). Jalur Bernard. *Harian Metro*
Diperoleh pada 23 Februari 2016
<http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/JalurBernard/Article>
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. (2008). *Hukum Wanita Menyerupai Lelaki*.
Diperoleh pada 14 Februari 2016
[http://wanswebsite.yolasite.com/resources/Hukum%20Wanita%20Menyerupai%20Lelaki%20\(Pengkid\).pdf](http://wanswebsite.yolasite.com/resources/Hukum%20Wanita%20Menyerupai%20Lelaki%20(Pengkid).pdf)
- Myers, D. G. (2008). *Social psychology*. Ninth edition. New York, NY: McGraw-Hill.
- Nafsu Songsang Kecelaruan Naluri. 7 Mac 2015. *Utusan Malaysia*.
Diperoleh pada 14 April 2017
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/nafsu-songsang-kecelaruan-naluri-1.66816>

Naim Ahmad. (2011). *Filem Islam Satu Pembicaraan*. Shah Alam, Malaysia: Uni-N Production Sdn. Bhd.

Nasir Jani. (2014). Auteur theory dari gelombang baharu. 3 ogos 2014. *Sinar Harian*
Diperoleh pada 12 Januari 2016
<http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/nasir-jani/auteur-theory-dari-gelombang-baharu-1.304441>

Nasruddin Yunos & Siti Nor Baya. (2007). Modeniti dan Hubungannya dengan Idea Kemajuan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 95-111.

Noor Bathi Badarudin. (2002). *Dunia Media Moden*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Noorisham. (2012). Filem Pengaruhi Budaya, Sosial Rakyat. *Berita Harian Online*.
Diperoleh pada 23 Jun 2015.
www2.bharian.com.my/bharian/articles/Filempengaruhibudaya_sosialrakyat/Article/print_html

Nor Azam Ahmad Zawawie. (1991). *Industri Filem Melayu: Antara Realiti dan Impian*.
(Tesis Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Nora Hendon. (2011). *Menyingkap Pembentukan Orientasi Lesbianisme di Kalangan Sebilangan Pengkid Melayu*. (Disertasi Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

Norman Yusoff. (2013). *Contemporary Malaysian Cinema: Genre, Gender and Temporality*.
Sydney: University Of Sydney.

Omar Jah. (2001). Globalization and socio-cultural changes in the Muslim world. Di dalam Fauzi Othman, Koharuddin Balwi & Azhar Hamid. (2009). *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori Dan Praktik*. Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.

Pew Research Centre. 2013. The Global Divide on Homosexuality.
Diperoleh pada 14 April 2017
<http://www.pewglobal.org/2013/06/04/the-global-divide-on-homosexuality/>

- Radcliffe, D.J. (1970). Education and Cultural Change among The Malays 1900-1940. Tesis Phd. University of Wisconsin, Passim (Tidak dicetak).
- Rafidah Hanim. (6 April, 2017). *Gejala LGBT* [Penyiaran Radio]. Kuala Lumpur, Malaysia: Ikim FM.
- Rasdan Ahmad. (2012). Kuantiti, Kualiti Perlu Seiring. *Utusan Online*. Diperoleh pada 23 Jun 2015.
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20120722/hi_13/Kuantiti-kualiti-perlu-seiring
- Razali Sidek. (2013). Risalah Islam Dalam Filem. *Utusan Malaysia Online*. Diperoleh pada Februari 2016
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130409/ba_03/Risalah-Islam-dalam-filem#ixzz412YXFpO
- Rohana Yusof. (2010). Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Pustaka.
- Roslan Mohd Nor. (2011). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6, 107-121.
- Rozi. (1996). Celluloid Images: For film director U-Wei, the cinema was the school of his life. *Malaysian Business*, 30-32.
- Rushdina Rashid & Hasnah Ali. (2014). Implikasi Media Sosial Terhadap Masyarakat. *SUARANITA*, 69, 2.
- Samsudin A. Rahim. (1998). *Pembangunan, Ketembusan Media dan Identiti Budaya Remaja*. Kumpulan Penyelidik IRPA Media dan Identiti Budaya, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. (Julai, 2001). *Media dan Identiti Budaya: Cabaran Media Terhadap Masyarakat Malaysia di Alaf Baru ke-21*. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia - Isu dan Cabaran Abad Ke 21, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Senu Abdul Rahman (ed.). (1971). *Revolusi Mental*. Translated into English Entitled *Mental Revolution*. (2004). Kuala Lumpur, Malaysia: Pelanduk Publication.

Shauki Abd. Majid. (2010). Zina punca gejala buang bayi berleluasa. *Utusan Online*
Diperoleh pada 22 Februari 2016
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0326&pub=Utusan_Malaysia&ec=Rencana&pg=re_03.htm#ixzz40s6AkxvV

Sidek Baba. (10 Mei 2005). Nilai adab didik remaja dari awal. *Portal Pendidikan Utusan*.
Diperoleh pada 5 September 2015
<http://www.tutor.com.my>.

Siti Subariyah. (2005). *Kontak Budaya Pribumi dengan Kolonial dalam Novel Bumi Manusia*.
(Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Universitas Diponegoro, Semarang, Indonesia.

Sitti Rahmah. (2012). *Adaptasi dan Interaksi Sosial Budaya Orang Laut di Desa Sungai Laut Kecamatan Tanah Merah di Inderagiri Hilir*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.

Sufean Hussin, Charil Marzuki, Zabidi Abdul Razak, Habib Md. Som, Aleena Rani. (2005). *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. Selangor, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Su'ud Zhariff. (T.T). *Islam, Patriarki dan Transgender Satu Analisis Filem Dalam Botol (2011)*. Pusat Pengajian Komunikasi: Universti Sains Malaysia.

Syazwan Zakariah (15 November 2012). Poskad istimewa dari Istanbul. *Utusan Online*.
Diperoleh pada 19 Februari 2012
http://www1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20121115/hi_02/Poskad-istimewa-dari-Istanbul

Syed Hussein Alatas. (1970). Religion and Modernization in Southeast Asia. *European Journal of Sociology*. 11(2), 265-296.

- Taib Osman. (1985). *Integrasi dan Asimilasi Budaya-budaya Tradisional?* . Kertas kerja dibentangkan di *Konvensyen Kebudayaan dan Identiti Nasional*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Taib Osman. (1988). Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan. Di dalam Anita Abu Hasan, Noryani Md Yusof dan Husni Jazam (2015). *Budaya dan Pembelajaran*. Bangi, Malaysia: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Tylor, E.B. (1871). Primitive Culture. Di dalam Lukman Mohamad. (2003). *Globalisasi di Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors.
- Ubong Imang. (2015). Sifat dan motivasi penontonon filem dalam kalangan penonton filem di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah.
- Ummu Hani Abu Hassan. (2011). *Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip*. (Disertasi Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Utusan Online. (22 November 2011). Saya Selamat dan Masih Beragama Islam. *Utusan Online*. Diperoleh pada 14 April 2017
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1222&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_04.htm
- Valentine C.A. (1972). *Culture and Poverty*. Chicago: The University of Chicago.
- Wan Abdul Kadir. (1992). *Warisan Tradisi : Budaya Melayu*. Petaling Jaya, Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. (1998). *Nilai dan World-View Orang Melayu tentang Gender*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir. (2002). *Budaya Bandaran: Perubahan budaya popular Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.

Wan Abd Kadir. (2006). *Peradaban Melayu dalam Modernisasi dan Globalisasi Budaya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbitan Pustaka Ilmu.

Wiramanja. (2010). Komunikasi Budaya dalam Adat Melayu.

Diperoleh pada 2 Februari 2016.

http://www.academia.edu/478052/KOMUNIKASI_BUDAYA_DALAM_ADAT_MELAYU

www.finas.gov.my

Yadri Irwansyah. (2015). *Dampak Modernisasi terhadap Kehidupan Sosial Masyarakat Desa Wisata Kasongan Kelurahan Bangunjiwo Kabupaten Bantul*. (Ijazah Kedokteran yang tidak diterbitkan). Universitas PGRI, Jogjakarta, Indonesia.

Zoetmulder, P.J. (1951). *Pengantar Ilmu Antropologi* (Koentjaraningrat, Trans.). Jakarta, Indonesia: Aksara Baru.